SELANGOR KINI
PERCUMA 5 - 12 Februari 2016, 26 Rabiulakhir - 3 Jamadilawal 1437H
www.selangorku.com
MediaSelangorku
MediaSelangor
tv.selangorku.com
#SmartSelangor

## Peruntukan besar tingkat kemudahan awam

# Rakyat terus dipeduli

**SHAH ALAM** - Sejajar dengan agenda 'Membangunkan Smart Selangor Yang Peduli', Kerajaan Negeri komited meningkatkan kualiti penyelenggaraan jalan raya seiring pembangunan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam.

Kedua faktor itu diyakini mampu merancak dan melonjakkan lagi kemajuan pelbagai sektor dan ekonomi Selangor.

Usaha meningkatkan kualiti penyelenggaraan jalan negeri dimulakan dengan peruntukan RM72 juta membabitkan jalan sejauh 4,700 kilometer.

Bagi memperbaiki kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan Negeri mengambil pelbagai inisiatif untuk merungkai isu kesesakan lalu lintas terutamanya di kawasan bandar.

Malahan, penduduk luar bandar juga bakal menikmati kemudahan bas Smart Selangor yang bakal diperkenalkan menjelang Julai 2016 ini.

**Ikuti berita lanjut di Muka 3**



Gambar oleh Remy Ariffin

**Sambutan Tahun Baru Cina di Taman Rakyat, Sri Andalas disambut meriah penduduk setempat. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud dan Adun Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar.**

## RM72 juta selenggara tingkat kualiti jalan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memperuntukkan RM72 juta untuk meningkatkan kualiti penyelenggaraan jalan di negeri itu bagi memenuhi keperluan rakyat berdasarkan agenda 'Membangunkan SMART Selangor Yang Peduli'.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata kontrak itu bagi tempoh lima tahun bermula 1 Februari membabitkan pelantikan 45 kontraktor bagi penyelenggaraan jalan negeri di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) sejauh kira-kira 4,700 kilometer.

"Selepas pembentangan belanjawan, menerusi tema dinyatakan Kerajaan Negeri membuktikan dengan banyak diterjemahkan melalui manifestasi dalam bentuk tindakan dan program," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Penganugerahan Surat Setuju Terima (SST) Untuk Kontrak Jangka Panjang penyelenggaraan jalan Negeri Selangor di sini, pada 1 Februari lalu.

Beliau berkata, berbeza dengan sistem sebelumnya hanya kepada satu zon, penambahbaikan kontrak diguna pakai membabitkan sistem pembahagian kepada tiga zon iaitu Zon 1 bagi Sabak Bernam dan Kuala Selangor, Zon 2 (Hulu Selangor, Gombak, Petaling dan Klang) dan Zon 3 (Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat).

Penambahbaikan itu, katanya juga meliputi skop kerja baru dan terperinci bagi memastikan penyelenggaraan jalan negeri dijalankan dengan baik.

Kerajaan Negeri Selangor mengucapkan
GONG XI FA CAI 2016
新年快樂

### Kajian IDE terhadap sokongan rakyat Selangor

# Sokongan PAKATAN meningkat 12 peratus

**SHAH ALAM -** Kajian dikeluarkan Kluster Penyelidikan, Institut Darul Ehsan (IDE) menunjukkan sokongan kepada Pakatan Rakyat/Pakatan Harapan (PAKATAN) meningkat sebanyak 12 peratus.

Kajian IDE itu mendapati sokongan terhadap Barisan Nasional pula susut sebanyak dua peratus manakala responden yang 'Tidak Mahu Menjawab' susut kepada 10 peratus.

"Penurunan ketara ini menunjukkan rakyat sudah jelas dan yakin untuk memilih menyokong parti politik di Selangor," kata Kluster Penyelidikan IDE dalam kenyataan media.

Kaji selidik berkenaan persepsi pengundi Selangor yang dijalankan IDE pada 13 hingga 15 November 2015 lalu melibatkan seramai 1,716 responden di seluruh kawasan Parlimen, DUN dan PBT merentas kaum, parti, pendidikan dan tempat tinggal.

Bagaimanapun katanya, jumlah sokongan diterima PAKATAN bukanlah perspektif yang perlu ditekankan.

Matlamat utama semangat demokrasi adalah memastikan rakyat terus bersemangat tanpa mengira latar belakang mengurangkan peratusan memilih 'Tidak Mahu Menjawab' dikurangkan sebanyak boleh.

"Rakyat perlu jelas, faham dan yakin dengan pilihan mereka untuk memastikan pentadbiran Selangor dalam keadaan dinamik dan kompetetif," katanya.

# Singapura beku akaun bank dalam siasatan 1MDB

**SINGAPURA -** Sejumlah besar akaun bank berkenaan kemungkinan kesalahan pengubahan wang haram dalam siasatan terhadap salah urus kewangan didakwa dilakukan firma pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dibeku Singapura.

Dalam satu kenyataan, Singapura berkata, Pihak Berkuasa Kewangannya dan Jabatan Hal Ehwal Komersial, polis republik itu sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa di Malaysia, Switzerland dan Amerika Syarikat berhubung siasatan 1MDB.

"Sehubungan siasatan ini, kita berusaha dan terus mendapatkan maklumat daripada beberapa institusi kewangan, sedang mewawancara pelbagai individu dan merampas sejumlah besar akaun bank," kata kedua agensi itu dalam kenyataan berkenaan.

Kenyataan itu dibuat selepas ketua pendakwa raya Switzerland pada minggu lalu berkata, siasatan jenayah ke atas 1MDB mendedahkan bahawa kira-kira AS$4 bilion (RM16.6 bilion) didapati disalahgunakan.

1MDB yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak disiasat pihak berkuasa Malaysia berikutan tuduhan salah urus kewangan dan rasuah. 1MDB menafikan dakwaan itu.

Sebelum ini, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali membersihkan Najib daripada sebarang kesalahan jenayah atau rasuah dan mengarahkan siasatan ke atasnya ditutup.

Ekoran itu, pelbagai pihak mengecam tindakan berkenaan dan mempersoalkan ketelusan Peguam Negara menguruskan kes itu yang menerima reaksi antarabangsa.

**Sehubungan siasatan ini, kita berusaha dan terus mendapatkan maklumat daripada beberapa institusi kewangan, sedang mewawancara pelbagai individu, dan merampas sejumlah besar akaun bank**

Kenyataan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura dan Jabatan Hal Ehwal Komersial

# SPRM disaran pertahan integriti

**SHAH ALAM -** Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaran supaya berdiri teguh dan mempertahankan integriti agensi itu.

Bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas Polis, Datuk Abdul Hamid Bador ***(gambar)***, berkata susulan tekanan supaya tindakan diambil terhadap Pengarah Operasi Khas SPRM, Datuk Bahri Mohd Zain yang berkata pihaknya akan membuat rayuan terhadap keputusan Peguam Negara menutup kes membabitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Kepada semua pegawai SPRM, saya menyeru supaya jangan sesekali takut dengan gertakan (atau) ugutan sesiapa pun.

"Pertahankan kesucian peranan dan tanggungjawab agensi. Jalankan kerja dengan niat yang ikhlas demi kepentingan negara," katanya dalam satu kenyataan pada 1 Februari lalu.

Sambil menasihati mereka supaya meneruskan tugas tanpa rasa takut dan pilih kasih, katanya, rakyat tahu menilai di antara baik dengan buruk.

Hamid tahun lalu secara tiba-tiba dipindahkan ke Jabatan



Perdana Menteri (JPM) selang beberapa hari berita bahawa perkhidmatan Tan Sri Abdul Gani Patail sebagai peguam negara ditamatkan.

# 40 peratus yakin PAKATAN berjaya pupuk perpaduan kaum

**SHAH ALAM -** Kajian dikeluarkan Kluster Penyelidikan, Institut Darul Ehsan (IDE) menunjukkan warna kulit, pegangan agama dan fahaman politik adalah tiga perkara diabaikan majoriti pengundi Selangor sebagai tanda sokongan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri masa kini.

Kajian itu mendapati sikap toleransi tinggi dalam kalangan masyarakat Selangor berjaya membuktikan politik berasaskan kaum bukan lagi menjadi kayu ukur untuk menjaga kestabilan perpaduan negeri ini.

"Kajian Landskap Politik Selangor 2015 mendapati 40 peratus responden bersetuju bahawa Pakatan Rakyat/Pakatan Harapan (PAKATAN) berjaya menyatukan pelbagai kaum di negara ini," kata Kluster Penyelidikan IDE dalam kenyataan media.




Katanya, sebahagian 39 peratus daripada mereka pula masih belum pasti berkenaan perpaduan kaum dalam PAKATAN ekoran masih terdapat beberapa perkara perlu diperhalusi untuk mengukuhkan keyakinan mereka terhadap perpaduan kaum diamalkan PAKATAN.

Kajian disertai responden Melayu, responden Cina dan responden dengan 'profiling' berdasarkan jumlah pengundi Selangor adalah merangkumi pelbagai latar belakang dan tempat tinggal.

"Mereka adalah pengundi di Selangor yang banyak didedahkan dengan pelbagai sumber maklumat berkaitan politik dan pentadbiran negeri," katanya.

Kajian IDE mendapati elemen kepimpinan turut menjadi kayu ukur sokongan mereka terhadap PAKATAN dalam mengharmonikan semangat perpaduan parti politik.

Katanya, tinjauan mendapati 44 peratus daripada mereka bersetuju bahawa kepimpinan telus dan berwibawa mendorong sokongan mereka kepada PAKATAN.

"Majoriti rakyat Selangor (41 peratus) menyuarakan supaya permuafakatan dalam parti politik antara KEADILAN, DAP, AMANAH dan PAS harus diamalkan pimpinan PAKATAN sebagai salah satu usaha mendorong sokongan tidak berbelah bagi kepada Kerajaan Selangor," katanya.

# KEADILAN hargai pendedahan Singapura dan Switzerland

**SHAH ALAM -** KEADILAN mengalu-alukan tindakan pihak berkuasa di Singapura berkenaan kes penggubahan wang haram dan Pejabat Peguam Negara Switzerland dalam siasatan kes melibatkan AS$4 bilion (RM16.6 bilion) diselewengkan syarikat milik kerajaan Malaysia.

Naib Presiden KEADILAN, Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata rakyat Malaysia bersama semua pihak yang sentiasa istiqamah menegakkan keadilan dan mendedahkan kebenaran.

Katanya, pihak berkuasa Singapura diharap kekal konsisten dan tegas dalam memelihara integriti republik itu sebagai pusat kewangan global mengatasi kepentingan hubungan dua hala melibatkan Barisan Nasional dan *People's Action Party* (PAP).

"Sebaran tindakan *sweeping matters under the carpet* dilihat menjejaskan reputasi Singapura malahan mengkhianati rakyat Malaysia yang bergelut dengan kebimbangan menuntut kebenaran dalam kes itu," kata Shamsul dalam kenyataan media pada 2 Februari lalu.

Beliau berkata, kerajaan Pakatan Harapan memastikan keadilan tertegak walau berapa lama masa diambil dalam proses siasatan dan pendakwaan.

"Rakyat Malaysia sememangnya berhak untuk mengetahui kebenaran," katanya yang juga Ahli Parlimen Bukit Katil.

Atasi masalah kesesakan lalu lintas

# Selangor tingkat kemudahan awam

OLEH **HAFIZAN TAIB**

**PETALING JAYA -** Kerajaan Negeri mengambil inisiatif meningkatkan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas terutama di kawasan bandar.

Exco Pelaburan, Perindustrian (IKS) & Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata input awam diperlukan bagi menambah baik cadangan pelan induk untuk perkhidmatan pengangkutan awam berkenaan.

"Kita mengharapkan idea lebih membina daripada rakyat untuk memperbaiki cadangan dilakukan kumpulan pakar kita.

"Ini kerana mereka yang menggunakannya dan pasti cadangan akan menjadi lebih baik menerusi perkongsian idea," katanya dalam sidang media, pada 28 Januari lalu.

Pada masa sama, Chang Kim berkata, dialog pelan induk pengangkutan awam Selangor bersama wakil rakyat dan badan bukan kerajaan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mencatatkan kehadiran tertinggi setakat ini berbanding Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Katanya, ia susulan kesedaran masyarakat di Petaling Jaya lebih tinggi ekoran bandar raya itu lebih sesak berbanding bandar raya lain di Selangor.

"MBPJ sudah meggerakkan sistem pengangkutan awam baik bagi menggalakkan orang ramai menggunakannya dan ia wajar dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

"Melalui dialog diadakan, kita menerima respon baik daripada orang ramai yang menyokong langkah diambil Kerajaan Negeri ini," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM12.5 juta bagi tujuan itu tahun ini, meningkat berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM3.5 juta, manakala MBPJ sendiri membelanjakan RM6.5 juta.

Katanya, biarpun mempunyai peruntukan terhad dan ia adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menggerakkannya.

"Ia bertujuan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan tumpuan kita adalah pengangkutan seperti bas, LRT, MRT dan sebagainya.

"Kita tidak menumpukan lebuh raya kerana kita meyakini ia tidak mampu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas," katanya.

## LALUAN BARU
## Bas Smart Selangor

- **Majlis Perbandaran Selayang (MPS) - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)**
  Perjalanan merentasi Selayang - Rawang - Kuala Kubu Bharu
- **Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**
  Perjalanan merentasi Kuala Selangor - Sekinchan - Sungai Besar
- **Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)**
  Perjalanan merentasi Banting - Morib - Tanjung Sepat - Sungai Pelek

# Tiga laluan luar bandar tahun ini

**SHAH ALAM -** Tiga laluan Bas Smart Selangor bakal diperkenalkan tahun ini khusus untuk kawasan luar bandar.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS serta Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata usaha itu diteruskan selepas kejayaan pelaksanaan program sama di enam bandar sebelum ini.

Dalam satu temubual eksklusif bersama SelangorKini, beliau menjangkakan usaha ini dapat dilakukan sebelum Julai 2016 dengan tiga laluan baru merentasi sempadan perbandaran.

"Jika kita berjaya melancarkannya sebelum Julai bererti kita sudah berjaya membekalkan bas percuma ke seluruh majlis perbandaran di daerah Selangor," katanya.

Sejak dua tahun lalu, Kerajaan Selangor sudah memperuntukkan RM3.5 juta untuk penyediaan Bas Smart Selangor yang dahulunya dikenali sebagai Bas Selangorku.

Untuk tahun ini sahaja, Bas Smart Selangor sudah diperkenalkan di Ampang Jaya dan Kajang.

# *PJ City Bus:* Dua jajaran, 12 bas baru

**PETALING JAYA -** Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan komitmen menyediakan bas percuma *PJ City Bus* kepada rakyat dengan memperkenalkan dua jajaran baru dengan peruntukan 12 unit bas.

Lebih membanggakan, dua daripadanya adalah bas elektrik menjadikan jumlah keseluruhan 22 unit bas percuma di bawah penyeliaan MBPJ.

Dua laluan baru, PJ03 dan PJ04 menumpukan kawasan Utara Petaling Jaya dengan mengutamakan kawasan persekolahan dan pusat tumpuan orang ramai dengan kos perbelanjaan sebanyak RM6.5 juta.

Datuk Bandar MBPJ, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata dua laluan itu masih dalam peringkat percubaan sejak diperkenalkan pertengahan Januari lalu.

Katanya, jumlah pengguna sudah meningkat kepada 1,200 penumpang dan ia dijangka terus meningkat.

"Kekerapan bas adalah setiap 15 minit pada waktu puncak dan 20 minit di luar waktu puncak beroperasi setiap hari seawal jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam.

"Jika tidak mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna maka laluan baru akan diperkenalkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian *PJ City Bus* PJ03 dan PJ04 yang disempurnakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di Stesen LRT Taman Bahagia, pada 1 Januari lalu.




**Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali merasmikan Bas Percuma *'PJ City Bus'* laluan PJ003 dan PJ04**

PJ03 melibatkan 22 laluan bermula di LRT Taman Bahagia ke SS6 Kelana Park View.

PJ04 dengan 26 laluan bermula dari LRT Taman Bahagia ke Kampung Tunku dan Sea Park.

PJ01 dan PJ02 yang mula diperkenalkan sejak pertengahan 2014 dengan penyediaan 10 unit bas mendapat sambutan hangat dengan catatan 9,000 pengguna sehari.

# Perkhidmatan pengangkutan awam mesra OKU penting

**PETALING JAYA -** Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali gembira dengan komitmen ditunjukkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merealisasikan hasrat pelaksanaan projek *PJ Liveable City* menerusi pengenalan dua jajaran baru bas percuma.

Dalam ucaptama majlis perasmian di Stesen LRT Taman Bahagia, beliau berkata perkhidmatan pengangkutan awam yang baik dan selesa disamping mesra orang kelainan upaya (OKU) penting dalam menjayakan projek berkenaan.

"Setakat ini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan RM6 juta untuk menyiapkan 19 unit bas percuma di lima buah pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak termasuk MBPJ," katanya.

Katanya, perkhidmatan bas percuma turut dikembangkan ke kawasan luar bandar dan dijangkakan ia bakal dilaksanakan sepenuhnya Julai 2016.

Dalam majlis sama, Mohamed Azmin turut dibawa menaiki bas percuma bagi meninjau jajaran baru PJ03 dan PJ04.

PRN Sarawak ke-11

# Sekat masuk tak jejas kempen

OLEH **AFIX REDZUAN**

**PETALING JAYA** - Sekatan memasuki Sarawak terhadap beberapa pemimpin pembangkang khususnya KEADILAN bukan masalah besar.

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sebaliknya kemudahan internet dan laman sosial boleh dimanfaatkan sebaiknya untuk berkempen kepada rakyat.

Katanya, semangat pimpinan KEADILAN tetap tinggi bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN 11).

"Walaupun jasad tidak masuk tetapi semangat ada.

"Sekarang dengan laman sosial, internet kita akan boleh berhubung dengan rakyat daripada pelbagai sumber. Tiada masalah," katanya.

Jelasnya, KEADILAN sudah bersedia dari segi jentera, calon dan logistik untuk bertanding di Sarawak

"Kita bersedia walaupun buat pertama kali tarikh pilihan raya tidak diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), diumumkan orang lain daripada SPR.

"Walau apa pun tarikh, kita bersedia menghadapi PRN Sarawak," katanya.

Sementara itu, Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata tugas utama gagasan PAKATAN adalah menyediakan alternatif baik kepada rakyat Sarawak untuk masa depan yang lebih baik.

"Saya percaya kita mempunyai ruang mencukupi dalam menyediakan alternatif kepada rakyat, walaupun berdepan kekangan masa," katanya ketika merasmikan Bilik Gerakan Utama (BGU) di Miri, Sarawak pada 30 Januari lalu.




## *My Changemakers* sinari 'kegelapan' Sarawak

**PETALING JAYA** - *My Changemakers* memperuntukkan sebanyak 200 unit solar dipasang di beberapa buah kampung pedalaman Sarawak.

Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata sebanyak 114 unit solar berjaya menyinari hampir 100 keluarga di beberapa buah kampung di Ba Kelalan.

Katanya, *My Changemakers* sedaya-upaya mencari dana dan peruntukan kewangan bagi membina jalan penghubung selamat dan bermanfaat kepada rakyat memerlukannya, khususnya di kawasan pedalaman.

"Pembinaan jalan penghubung di beberapa kawasan rumah panjang di Sarawak merupakan salah satu inisiatif *My Changemakers* dalam projek fasa kedua.

"Rancangan pembangunan jalan penghubung ini demi kemudahan harian rakyat Sarawak menjalani kehidupan pada masa hadapan," kata Nurul Izzah dalam kenyataan media.

Katanya, cita-cita untuk membangunkan rakyat Sarawak ini diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Kini, *My Changemakers* mampu memulakan langkah penuh harapan, memenuhi impian sebahagian daripada 1.2 juta rakyat Sarawak yang tinggal di luar bandar.

"Menyinari beberapa buah kampung daripada 216 kampung atau 36 peratus yang masih belum menerima bekalan tenaga elektrik.

"Menceriakan sebahagian 250,000 rakyat Sarawak yang tidak mendapat akses tenaga elektrik," katanya.



***My Changemakers*** **bantu pembangunan kawasan pedalaman Sarawak**

## KEADILAN jangka ramai pemimpin pembangkang senasib Zuraida

**SHAH ALAM** - KEADILAN menjangkakan lebih ramai pemimpin pembangkang dihalang masuk ke Sarawak menjelang Pilihanraya Negeri (PRN) yang akan diadakan tidak lama lagi.

Pengarah Strategi KEADILAN, Sim Tze Tzin, berkata jangkaan itu berdasarkan kekerapan pemimpin yang tidak dapat masuk ke negeri itu sejak kebelakangan ini.

"Sudah tentu ramai pemimpin yang tidak dibenarkan masuk. Malah kita menjangkakan lebih ramai lagi," katanya ketika dihubungi SelangorKini .

Tze Tzin berkata, tindakan halangan itu adalah salah disisi perlembagaan dan tidak berhak dihalang atas alasan politik.

Beliau menasihatkan supaya Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem membenarkan pemimpin pembangkang memasuki negeri itu dan bertan-ding secara adil.

"Cara ini salah dari segi perlembagaan. Ketua Menteri perlu benar-benar ikhlas dan membiarkan parti politik bertanding secara sama rata dan adil," katanya.

Baru-baru ini, Ketua Wanita KEADILAN, Zuraida Kamaruddin dihalang memasuki negeri itu.

Penamaan calon ditetapkan pada 18 April dan PRN Sarawak ke 11 bakal diadakan 30 April ini.

PRN kali ini menyaksikan 82 buah kerusi dipertandingkan yang menyaksikan pertambahan 11 kerusi selepas persempadanan semula diluluskan Disember 2015.

> **Sudah tentu ramai pemimpin yang tidak dibenarkan masuk. Malah kita menjangkakan lebih ramai lagi**
>
> **SIM TZE TZIN**
> Pengarah Strategi KEADILAN

## Tumpu kepentingan rakyat dahului parti

**PETALING JAYA** - KEADILAN mengingatkan blok pembangkang supaya mendahulukan kepentingan rakyat berbanding individu dan parti bagi mengelakkan pertembungan tiga penjuru dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-11 (PRN 11).

Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kesepaduan ditonjolkan dalam PRN lalu membuahkan hasil dengan meraih sokongan beberapa kerusi DUN.

Katanya, menjadi hasrat beliau supaya semua parti kembali ke meja perundingan demi memastikan masalah itu diselesaikan secara baik.

"Kita masih ada ruang untuk berbincang dan kembali mempertahankan prinsip satu lawan satu demi kebaikan Sarawak.

"Mereka kena letakkan kepentingan rakyat Sarawak daripada kepentingan individu dan parti masing-masing untuk membawa perubahan.

"Letakkan kepentingan rakyat saya percaya kita boleh berunding dan selesaikan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu satu lawan satu dalam PRN Sarawak.

Menyentuh soal kerusi bertanding, KEADILAN terus mengambil cabaran bertanding di kerusi pedalaman seperti dilakukan sebelum ini.

Pada PRN 10, KEADILAN bertanding 49 kerusi dan berjaya memenangi tiga DUN.

Jelas Mohamed Azmin, KEADILAN bakal meletakkan kombinasi calon lama dan baru dalam PRN kali ini.

> **Letakkan kepentingan rakyat saya percaya kita boleh berunding dan selesaikan perkara ini**
>
> **MOHAMED AZMIN**
> Timbalan Presiden KEADILAN

Prihatin nasib rakyat

# MB saran pemaju perhebat bina rumah mampu milik

OLEH **SYASYA SUFIAN**

**SHAH ALAM** - Pemaju perumahan disaran terus membina rumah mampu milik (RMM) ekoran peningkatan permintaan di pasaran khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata beliau bertemu dengan pemaju besar untuk menilai kembali pembinaan rumah bernilai tinggi.

"Saya tidak akan memberikan sebarang kelulusan jika pemaju besar ini enggan membuat Rumah Selangorku kerana pasaran hari ini menuntut RMM yang perlu dibina.

"Pembinaan RMM ini haruslah benar mampu dimiliki semua golongan dengan harga kurang dari RM250,000," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu Majlis Apresiasi Belanjawan dan Hasil Selangor di sini, 28 Januari lalu.

Katanya, sambutan menggalakkan pihak swasta termasuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang kini mula membina RMM.




"Walaupun sasaran kita 15,000 dalam tempoh tiga tahun tetapi sehingga kini sudah mencatatkan 18,000 unit sedang dibina," katanya.

## 'Apa nak jadi dengan Kerajaan Selangor'

**SHAH ALAM** - Pengecualian cukai taksiran diumumkan Kerajaan Selangor bagi 2016 mula dirasakan rakyat hingga menjadi viral di laman sosial.

Pemilik akaun Facebook, Iron Steel memuat naik status mencuit perhatian dengan tajuk 'Apa Nak Jadi Dengan Kerajaan Selangor' namun kandungan *posting* berkenaan mengisahkan keluhannya yang membuat bayaran cukai taksiran di kaunter Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Beliau pada mulanya ingin melangsaikan bayaran berjumlah RM152.40 untuk rumah kos rendah diduduki.

Namun segalanya berubah apabila kakitangan kaunter memulangkan semua bil berkenaan sambil memberikan jawapan 'Cukai 2016 sudah dibayarkan oleh Kerajaan Selangor'.

Dengan rasa lega mengakui wang berkenaan boleh digunakan untuk membeli barangan dapur atau anak pokok lemon yang sudah diidamkan.

Status yang dimuatnaik pada jam 12.48 tengah hari pada 27 Januari lalu berserta sekeping gambar bil cukai taksiran sudah dikongsi lebih 300 individu serta mengumpul hampir 12,000 *Like*.

Kerajaan Selangor menerusi Belanjawan 2016 mengumumkan pengecualian cukai taksiran untuk rumah kos rendah, rumah kampung dan fi lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam serta pasar tani.

## Siap 200 unit Rumah Selangorku, PKNS komited bina lagi

**RAWANG** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) terus komited membina rumah mampu milik (RMM) dengan pembinaan Rumah Selangorku bagi meringankan golongan berpendapatan rendah.

Pengurus Pemasaran PKNS, Mah Fizul Rusydin Abd Rashid, berkata terdapat 200 unit Rumah Selangorku yang sedang dalam proses binaan di kawasan Serendah, Rawang.

"Kita sudah lancarkan pada tahun lepas dan kita jangka ia bakal siap Ogos 2017.

"Selepas siap, kita juga merangka untuk meneruskan projek Rumah Selangorku di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu Pelancaran Rumah Azhara di Galeri Jualan Antara Gapi, Serendah, pada 31 Januari lalu.

Katanya, untuk sebarang permohonan orang ramai disaran untuk berdaftar terus pada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan LPHS akan berikan nama pemohon yang layak kepada PKNS untuk proses selanjutnya.

## Felda di Selangor bukan lagi kubu kuat Umno-BN?

**SHAH ALAM** - Kekuatan pengaruh Umno-Barisan Nasional (BN) di kawasan Felda yang sebelum ini dianggap 'kubu kuat' parti itu boleh diragui sekiranya reaksi beberapa peneroka Felda Sungai Tengi Selatan yang ditemui SelangorKini diambil kira.

Reaksi yang boleh dibaca sebagai perubahan 'mood' sokongan itu dapat dilihat semasa penulis membuat liputan Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah kepada 139 peneroka di Dewan Serbaguna Felda Sungai Tengi Selatan pada 22 Januari lalu.

Penulis sempat berbual dengan beberapa penduduk pada mulanya menganggap reaksi ditunjukkan itu tidak lebih hanya sekadar terdorong perasaan teruja selepas menerima hak milik tanah dan jauh sekali sebagai tanda sokongan kepada Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, selepas berbual lebih panjang, penulis mendapati 'mood' sokongan warga Felda terhadap Kerajaan Negeri itu boleh ditafsirkan sebagai 'real!'.

Peralihan 'mood' itu bukan disebabkan usaha keras Kerajaan Negeri menyelesaikan isu hak milik tanah semata-mata.

Tetapi lebih berkisar kepada perbandingan manfaat diterima rakyat terbanyak antara program Kerajaan Negeri hari ini dengan Kerajaan Negeri di era pentadbiran Umno-BN dan Kerajaan Persekutuan.

Malah, lebih mengejutkan, tatkala penulis memperkenalkan diri sebagai Wartawan SelangorKini, ada seorang peneroka yang secara terbuka mengakui dirinya adalah pembaca tegar SelangorKini.

Menurut beliau yang hanya mahu dikenali sebagai Pakcik Man berkata, akhbar SelangorKini wajar dibaca oleh semua lapisan masyarakat di Selangor khususnya penduduk di luar bandar.

Ia untuk mengetahui perkembangan terkini dasar baru dan program yang dijalankan Kerajaan Negeri terutamanya program di bawah skim Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Selain itu, ucapan Menteri Besar , Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang turut menyelitkan beberapa perkembangan terkini dasar Kerajaan Negeri dan kritikan pedas terhadap pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut disambut dengan sorakan positif lebih 200 peneroka yang memenuhi Dewan Serbaguna itu.

Keadaan ini sangat berbeza berbanding sambutan dingin yang ditunjukkan penduduk semasa kempen Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor pada 2010 berlangsung.

Mohamed Azmin ketika mengulas perkembangan sama, berkata perubahan 'mood' itu berlaku ekoran warga tanah rancangan terbabit melihat sendiri kejayaan dan prestasi Kerajaan Negeri mentadbir negeri termaju itu.

"Kalau kita bandingkan 10 hingga 15 tahun lalu memang terdapat perbezaan yang besar kerana makin lama kita mentadbir, warga Felda semakin melihat sendiri kejayaan dan prestasi Kerajaan Negeri menjaga amanah dengan baik dan adil.

"Keyakinan ini dapat dikembalikan bukan sahaja warga felda tetapi majoriti rakyat dan kita teruskan kerana ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu lakukan," katanya.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Lembaga Editorial CCSB
**KETUA PENGARANG:** Cecelia Alphonsus
**PENGARANG :** Nurul Farina Nazlan
**PENOLONG PENGARANG** Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
**WARTAWAN:**
**Hafizan Taib:** hapizantaib@mediaselangor.com,
**Nazli Ibrahim:** nazli@mediaselangor.com,
**Afix Redzuan:** syafiq@mediaselangor.com,
**Lizawati Madfa:** lizawati@mediaselangor.com,
**Norhayati Umor:** hayati@mediaselangor.com,
**Syasya Sufian :** syazwanisufian@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR:** Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Rizab negatif sejak 31 Disember 2014

# Tabung Haji catat kerugian RM351 juta

**SHAH ALAM** - Penyata Kewangan Tabung Haji berakhir 31 Disember 2014 yang diaudit menunjukkan rizab terkumpul adalah negatif dengan kerugian RM351 juta.

Naib Presiden KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata Tabung Haji tidak mampu membayar simpanan pendeposit berjumlah RM54.358 bilion jika mereka mahu mengeluarkannya susulan penyusutan aset.

Katanya, kedudukan kewangan itu berlaku sebelum 2015 yang menyaksikan kejatuhan pasaran saham dan nilai mata wang ringgit mendadak.

"Ini bermakna bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Tabung Haji akan mengalami kerugian jauh lebih besar.

"Maka, nilai rizab terkumpul menunjukkan kerugian terkumpul jauh lebih besar daripada RM351 juta," katanya dalam kenyataan media.

Beliau berkata demikian susulan kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Urusan Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail berkenaan kelemahan dana rizab Tabung Haji yang ditimbulkan Bank Negara Malaysia (BNM).

Pada masa sama, Rafizi berkata, beliau berpeluang meneliti Penyata Kewangan Tabung Haji yang diserahkan kepada Ahli Parlimen setiap tahun.

Beliau berkata, Tabung Haji tidak mempunyai rizab keuntungan terkumpul untuk membayar bonus kepada pendeposit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 kecuali ia meminjam wang atau mencairkan asetnya.

"Dituntut Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim meletak jawatan serta merta atas kegagalan beliau memastikan prestasi kewangan Tabung Haji tidak menjejaskan simpanan pendeposit," katanya.

**Tabung Haji tidak mampu membayar simpanan pendeposit berjumlah RM54.358 bilion jika mereka mahu mengeluarkannya susulan penyusutan aset**

**RAFIZI RAMLI**
Naib Presiden KEADILAN




# Mohamed Apandi perlu pilih jawatan elak konflik

**SHAH ALAM** - Tan Sri Mohamed Apandi Ali perlu memilih sama ada mahu kekal sebagai Peguam Negara atau Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata ia bagi memastikan tidak wujud konflik kepentingan antara jawatan disandangnya.

"Kebimbangan ini lantaran Tabung Haji terlibat dalam isu pembelian tanah milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB), syarikat terpalit skandal kewangan serta mempunyai kaitan langsung dengan Perdana Menteri.

"Jika beliau mahu berkhidmat sebagai Peguam Negara, moleklah jika dilepaskan jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji dan begitulah sebaliknya," katanya dalam kenyataan media pada 28 Januari lalu.

Pada masa sama, Shamsul berkata, Mohamed Apandi sepatutnya matang dan bijak menjaga integriti serta reputasi institusi yang diwakilinya.

"Beliau seharusnya menzahirkan contoh dan tauladan baik bagi memastikan kewibawaannya sebagai penjawat awam tidak dipersoal dan diperlekehkan," katanya.

Sebelum ini, Mohamed Apandi mengumumkan tiada sebarang dakwaan salah laku membabitkan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak berkenaan skandal kewangan RM2.6 bilion.

Lebih mengejutkan, pada hari sama, Tabung Haji mengesahkan pelantikan Mohamed Apandi sebagai Ahli Lembaga Pengarah baru.

**Kebimbangan ini lantaran Tabung Haji terlibat dalam isu pembelian tanah milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

**SHAMSUL ISKANDAR**

# Dedah laporan audit Tabung Haji sebelum umum dividen



**SHAH ALAM** - Laporan Ketua Audit Negara perlu disertakan bersama sebelum pengumuman pembayaran dividen kepada pendeposit Tabung Haji diumumkan.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata hanya pengesahan kedudukan kewangan daripada Ketua Audit Negara dan Bank Negara Malaysia (BNM) dapat memulihkan keyakinan rakyat terhadap Tabung Haji.

Katanya, kerisauan rakyat memuncak susulan susulan pendedahan surat amaran BNM yang diakui benar Pengerusi Lembaga Tabung Haji (LTH) sendiri.

"Memandangkan mereka sedang menunggu keputusan Ketua Audit Negara sebelum memutuskan jumlah dividen dan bonus, saya menyarankan supaya laporan audit terhadap LTH didedahkan dalam waktu itu.

"Ia ekoran penafian masalah LTH dibuat Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang memacu LTH seperti Pengerusi, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim mempertahankan pembelian tanah TRX sudah tidak lagi diyakini rakyat," katanya dalam kenyataan pada 29 Januari lalu.

Justeru, katanya adalah lebih baik jika Pengerusi LTH dilantik bukan dalam kalangan orang politik.

**Hanya pengesahan kedudukan kewangan daripada Ketua Audit Negara dan Bank Negara Malaysia (BNM) dapat memulihkan keyakinan rakyat terhadap Tabung Haji**

**TUAN IBRAHIM**
Timbalan Presiden PAS

Terdahulu, negara dikejutkan dengan pendedahan kedudukan Penyata Kewangan Tabung Haji berakhir 31 Disember 2014 yang didakwa negatif dengan kerugian terkumpul RM351 juta.

# Potong caruman KWSP jejas simpanan hari tua

**SHAH ALAM** - Pengurangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak tiga peratus akan menjejaskan simpanan hari tua pekerja.

Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata langkah diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diumpamakan seperti melepaskan batuk di tangga.

"Dia (Najib) tidak sepatutnya buat begitu. Tindakan (mengurangkan caruman) tidak kena langsung jika ingin meningkatkan perbelanjaan bulanan.

"Pengubahsuaian bajet itu bagus, tetapi beberapa perkara sedia ada seperti caruman KWSP patut dikekalkan," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, jika Kerajaan Persekutuan bersungguh-sungguh untuk meningkatkan pendapatan rakyat, maka tangga gaji minima perlu dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM1,200.



**Abdullah Sani**

Pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari lalu menyaksikan kerajaan bersetuju mengurangkan caruman KWSP pekerja sebanyak tiga peratus mulai Mac 2016 sehingga Disember 2017.

Bagaimanapun, caruman majikan dikekalkan dan ia dijangka meningkatkan perbelanjaan penggunaan swasta sehingga RM8 bilion setahun.

Beri kerjasama untuk kepentingan negara

# Peguam Negara didesak buka semula fail siasatan 1MDB

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Peguam Negara didesak membuka semula fail siasatan berkenaan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata Pengarah Strategi KEADILAN, Sim Tze Tzin.

Beliau berkata, skandal kontroversi terbabit tidak lagi dapat ditutup susulan membabitkan banyak negara dan mencemar nama Malaysia di persada dunia.

"Siasatan di Switzerland bukan siasatan baru, sebaliknya ia dijalankan sejak Ogos lalu dan mempunyai bukti kukuh sebelum kenyataan dikeluarkan.

"Apa yang kita takut Malaysia tidak akan memberi kerjasama seperti kes pada September lalu apabila mana Pegawai Siasatan Malaysia membatalkan siasatan," katanya kepada SelangorKini pada 31 Januari lalu.

Pada masa sama, Tze Tzin menasihatkan Kerajaan Persekutuan supaya berani berhadapan sebarang siasatan membabitkan 1MDB.

Katanya, isu itu adalah terburuk dalam sejarah dan mendapat perhatian seluruh dunia.

"Kalau hendak menaikkan nama Malaysia, perlulah menjawab dengan jujur. Peguam Negara perlu membuka semula fail kes ini," katanya.

Sebelum ini, Ketua Pendakwa Switzerland berkata, siasatan ke atas firma milik kerajaan, 1MDB, didakwa mendedahkan kira-kira RM16.6 bilion diselewengkan daripada syarikat milik kerajaan Malaysia.

**Apa yang kita takut Malaysia tidak akan memberi kerjasama seperti kes pada September lalu apabila mana Pegawai Siasatan Malaysia membatalkan siasatan**

**SIM TZE TZIN**
Pengarah Strategi KEADILAN




## 15 NGO serah memorandum mohon siasatan diraja

**KUALA LUMPUR** - 15 organisasi bukan kerajaan (NGO) menyerahkan memorandum memohon campur tangan Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja berkenaan isu derma RM2.6 bilion.

Jurucakap Otai Reformis, Ronnie Liu, berkata ia penting supaya Baginda mengarahkan kabinet menubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja menangani isu terbabit.

"Patik-patik sekalian melahirkan kebimbangan atas isu derma RM2.6 bilion yang menjadi perbincangan hangat dalam kalangan rakyat Malaysia dewasa ini.

"Terutama apabila Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan kertas siasatan lengkap kepada Peguam Negara, tetapi beliau mengumumkan Najib tidak bersalah tanpa dihadapkan ke mahkamah," katanya memetik isi kandungan memorandum terbabit.

Memorandum itu diserahkan kepada Pegawai Perhubungan Awam Istana Negara pada 29 Januari lalu.

Antara NGO terlibat adalah Otai Reformis 1998, Jingga 13, Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Malaysian Indian Voice, Seniman Paksi Rakyat (PAKSI), Persatuan Kesedaran Selangor dan #BebasAnwar, March2Freedom dan AIC.

Selain itu, ia turut membabitkan Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan Malaysia (PAHLAWAN), Road4Peace, Pertubuhan Solidariti Madani Malaysia (MaSSSA), Suara Anak Muda Batu, Tamilar Today dan Tamilar Kural.

Selain memohon siasatan terhadap isu 1MDB, turut dimuatkan dalam memorandum itu adalah isu penggunaan Wang Tabung Haji untuk membeli aset 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

## Lantik Pendakwa Bebas buka siasatan skandal Najib

**SHAH ALAM** - Parlimen disarankan melantik Pendakwa Bebas Khas untuk membuka semula siasatan terhadap Datuk Seri Mohd Najib Razak dan meneliti kertas siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Bank Negara.

Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, berkata beliau sudah mengadakan perbincangan bersama ahli parlimen berlatar belakangkan undang-undang untuk merangka usul berkenaan isu itu.

Katanya, usaha membawa perkara terbabit ke sidang Parlimen juga akan dilakukan pada Mac ini.

"Saya yakin rakyat yang cintakan keadilan tidak boleh putus asa dan terus mencari jalan sehingga kebenaran berkenaan skandal ini dibentangkan dan dibawa ke muka keadilan," katanya dalam kenyataan media.

Rafizi berkata, penjelasan Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali untuk menutup kertas siasatan skandal dana RM2.6 bilion dan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd tidak dapat diterima umum.

Katanya, Najib sepatutnya didakwa atas tuduhan pecah amanah susulan dana dari syarikat awam di bawah kawalan beliau dipindahkan ke akaun peribadinya.

"Bukan sahaja alasan Najib memulangkan kembali "derma" diterimanya itu tidak masuk akal, malah beberapa perkara asas tidak dijawab beliau.

"Najib juga patut didakwa atas tuduhan cuai dan lalai menjalankan tanggungjawab sehingga menyebabkan kerugian dana awam," katanya.

## Krisis minyak jejas ekonomi

# Anwar sudah 'baca' sejak 2009

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**KUALA LUMPUR** - Amaran supaya Kerajaan Persekutuan mengambil kira faktor kestabilan pasaran harga minyak dan indikator ekonomi antarabangsa sudah ditimbulkan sejak 2009.

Malah pada 2011, Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya mengkaji semula bajet tahunan susulan unjuran pertumbuhan ekonomi kurang memberangsangkan.

Namun, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, berkata saranan bapanya tidak diambil peduli sehinggalah baru-baru ini Barisan Nasional (BN) terpaksa merombak bajet.

"Sejak 2009 Anwar desak kerajaan supaya ambil kira faktor harga minyak dan indikator ekonomi terkini sebelum membentangkan bajet, tetapi diketepikan Perdana Menteri.

"Sekarang Perdana Menteri terpaksa merombak bajet tetapi malangnya ketika ia dibuat, beliau tidak mempunyai keberanian mendepani Ahli Parlimen di Dewan Rakyat," katanya kepada SelangorKini.

Katanya, Najib sepatutnya membentangkan rombakan bajet di Dewan Rakyat supaya isu itu dapat dibincangkan secara telus dan membolehkan rakyat mendapat maklumat tepat.

"Kegagalan membentangkan rombakan bajet itu menyebabkan Najib dilihat cuba menyembunyikan langkah memotong peruntukan terhadap sektor memberi manfaat besar kepada rakyat," katanya.

**Sekarang Perdana Menteri terpaksa merombak bajet tetapi malangnya ketika ia dibuat, beliau tidak mempunyai keberanian mendepani Ahli Parlimen di Dewan Rakyat**

**NURUL IZZAH**
Ahli Parlimen Lembah Pantai





## Konvoi #BebasAnwar jelajah seluruh Semenanjung

**KUALA LUMPUR** - Kempen sempena setahun pemenjaraan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dimulakan dengan siri Jelajah Konvoi #BebasAnwar ke seluruh Semenanjung.

Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata selain itu, satu himpunan turut diadakan di hadapan Penjara Sungai Buloh pada 9 Februari ini.

"Sesiapa yang berminat meraikan Tahun Baru Cina bersama kita boleh hadir di Penjara Sungai Buloh pada 9 Februari nanti.

"Program itu akan disertai aktivis dan kepimpinan kita," katanya pada program Pelepasan Jelajah Konvoi #BebasAnwar Siri Selangor dan Kuala Lumpur di kediaman Anwar di Bukit Segambut, 30 Januari lalu.

Sebelum itu, Nurul Izzah dan adiknya Nurul Nuha melepaskan kira-kira 12 kenderaan terlibat dengan Jelajah Konvoi #BebasAnwar peringkat Selangor dan Kuala Lumpur.

Konvoi terbabit akan menjelajah 11 daerah di Lembah Klang dan mengadakan sesi bertemu orang ramai di beberapa lokasi perhentian.

Kawasan terlibat adalah Segambut, Petaling Jaya, Puchong, Lembah Pantai, Kajang, Pandan dan Gombak, Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu, Rawang dan Sungai Buloh.

## Majlis Raja-Raja dipohon bersidang isu TPPA

**SHAH ALAM** - Majlis Raja-Raja Melayu diharap dapat bersidang untuk membincangkan isu Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) seterusnya menolak demi kesejahteraan negara.

Naib Ketua Pemuda AMANAH, Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar, berkata institusi itu adalah peluang terakhir untuk menyekat TPPA dilaksanakan.

"Tahniah dan terima kasih kepada ahli parlimen pembangkang yang secara lantang serta konsisten berhujah menentang pelaksanaan TPPA," katanya pada 28 Januari lalu.

Katanya, beliau kecewa dan sedih terhadap Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang menyokong perjanjian TPPA tanpa memikirkan kegusaran melanda masyarakat.

"Sikap 'pak anggup' ditunjukkan ahli parlimen BN melahirkan malapetaka besar bagi negara yang ketika ini dilanda pelbagai skandal.

"Igauan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) masih lagi terasa yang mana sebelum pelaksanaannya, kerajaan menyatakan ia tidak membebankan rakyat," katanya.




## TPPA dilulus Dewan Rakyat kini berdepan perundangan

**SHAH ALAM** - Perjuangan menghalang pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) diteruskan sehingga ke peringkat perundangan.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Mohamad Raimi Ab Rahim, berkata mekanisme *Investor State Dispute Settlement (ISDS)* bakal meletakkan negara di kandang penghakiman bagi penggiat korporat luar negara.

Katanya, ia secara langsung mencemari kedaulatan serta keluhuran perlembagaan negara.

"Apalah makna negara berdaulat jika perlembagaan yang menjadi asas pentingnya boleh dicorat-coret sesuka hati tangan luar.

"Justeru, bantahan rakyat terhadap TPPA bukanlah atas dasar untung rugi ekonomi sematamata," kata Raimi dalam kenyataan media.

Beliau berkata, sebaliknya ia adalah manifestasi jelas mempertahankan kedaulatan negara daripada penjajahan secara zahir mahupun halus dalam bentuk politik dan ekonomi.

Terdahulu, TPPA diterima berdasarkan keputusan majoriti 127 Ahli Parlimen menyokong dengan 84 orang lagi memilih untuk menolak di Dewan Rakyat.

Nickelodeon Lost Lagoon

# MB gembira pembangunan berteras alam semulajadi





OLEH **AFIX REDZUAN**

**BANDAR SUNWAY** - Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengakui perasmian Nickelodeon Lost Lagoon adalah antara pengalaman baru beliau dalam majlis rasmi sejak mengetuai pentadbiran Selangor.

Tanpa berselindung, beliau mengakui mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan watak kartun Nickelodeon berbanding anak kecilnya.

"Saya mengakui mempunyai sedikit pengetahuan mengenai Nickelodeon tetapi jika saya beritahu kepada anak-anak, mereka teruja lalu bertanya adakah papa (saya) ingin bertemu SpongeBob SquarePants dan Teenage Mutant Ninja Turtles?

"Tidak dibayangkan keseronokkan anak-anak jika mereka datang dan melihat sendiri Nickelodeon Lost Lagoon," katanya secara berjenaka ketika menyampaikan ucaptama perasmian taman permainan baru Sunway Lagoon.

Mohamed Azmin berkata, beliau gembira dengan penekanan pembangunan berteraskan kehijauan alam semulajadi seperti disediakan di Sunway Lagoon.

Katanya, Nickelodeon Lost Lagoon diharapkan terus menjadi tumpuan pelancongan dan riadah keluarga di samping memacu perkembangan ekonomi Selangor.

Nickelodeon Lost Lagoon adalah pelaburan terbaru Kumpulan Sunway dengan kos RM100 juta dan dibuka secara rasmi kepada umum pada 3 Februari.

## 400 terima baucar Jom Shopping DUN Gombak Setia

**GOMBAK** - Kerajaan Selangor dengan tema 'Membangun Smart Selangor yang peduli' meneruskan program Jom Shopping sempena Tahun Baru Cina walaupun negara dilanda ketidaktentuan ekonomi.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzwan, berkata ini menunjukkan Selangor prihatin kepada rakyat untuk menampung keperluan masyarakat Cina tanpa mengira latar politik bagi menghadapai musim perayaan minggu hadapan.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan kupon baucar Jom Shopping sempena menyambut Tahun Baru Cina bagi DUN Gombak Setia di Giant Batu Caves.

Beliau juga mengharapkan kehadiran Tahun Baru Cina tahun ini mendatangkan keceriaan dan kebahagiaan kepada semua.



Hasbullah juga menjemput semua masyarakat Cina DUN Gombak Setia ke Jamuan Makan Malam Raya Cina pada 14 Februari 2016 yang turut dihadiri oleh Menteri Besar.

Seramai 400 menerima baucar Jom Shopping DUN Gombak Setia mendapat manfaat.

Turut hadir Ahli Majlis Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Azizul Abu Bakar, Ketua kampung Mukim Setapak dan ketua penduduk setempat.

## Mohamed Azmin puji komitmen penjawat awam

**SUBANG JAYA** - Menteri Besar, Dato Seri Mohamed Azmin Ali memuji usaha dan komitmen penjawat awam apabila negeri itu mencatat belanjawan surplus pada 2015 lalu.

Katanya, buat pertama kali pengurusan ekonomi dan kewangan negeri berjaya menurunkan belanja pengurusan dan pada masa sama meningkatkan belanja pembangunan sehingga 50 peratus.

"Setelah akaun ditutup kita berjaya mencatatkan hasil sebanyak RM2.53 bilion.

"Saya menyampaikan rasa penghargaan kepada pasukan perkhidmatan awam khususnya perbendaharaan Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN) yang bertungkus lumus membantu merangka menjayakan agenda dasar dan ekonomi negeri," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu Majlis Apresiasi Belanjawan dan Hasil Selangor di sini, pada 27 Januari lalu.

Katanya, kejayaan itu sukar dicapai jika tiada kesungguhan daripada pegawai daerah, Yang Dipertua Majlis Perbendaharan dan ketua jabatan yang berbelanja secara berhemah dan bertanggungjawab.

"Kita juga tidak mungkin berjaya mencapai angka meyakinkan kalau kepimpinan di peringkat negeri mahupun daerah jika tidak berpegang kepada kebertanggungjawaban, ketelusan dan komitmen.

"Hasil daripada kerja kuat bersama yang terus berpegang kepada prinsip ini," katanya.

Pada majlis sama, Mohamed Azmin turut menyampaikan anugerah khas antaranya kepada Penolong Pegawai Daerah Unit Hasil Pejabat Daerah Tanah dan Gombak, Norazilawati Md Azizi susulan kejayaan membantu meningkatkan hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil cukai.

**Saya menyampaikan rasa penghargaan kepada pasukan perkhidmatan awam khususnya perbendaharaan UPEN yang bertungkus lumus membantu merangka menjayakan agenda dasar dan ekonomi negeri**

**MOHAMED AZMIN**
Menteri Besar

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

## NOTIS TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut :

| No. Tender | Butir-Butir Kenyataan Tawaran Tender | Syarat-Syarat Petender | Kelayakan Petender | Harga | Taklimat Wajib |
|---|---|---|---|---|---|
| TENDER /PTGS/ 01 /2016 | MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH 100 UNIT KOMPUTER PERIBADI BESERTA 10 UNIT PENGIMBAS DAN 5 UNIT PENCETAK SECARA SEWABELI UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR | BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DIBAWAH KOD 210101 DAN 210103 | BERDAFTAR DENGAN SISTEM MAKLUMAT KONTRAKTOR NEGERI SELANGOR *(http://pkk.selangor.gov.my)* | RM50.00 | 11.2.2016 (Khamis) Jam:9.30 pg Di Bilik Mesyuarat Gemilang 1. |

1. Dokumen tender boleh diperoleh melalui laman web Sistem Penjualan Dokumen Tender dan Sebutharga Negeri Selangor *(http://tender.selangor.gov.my)* atau di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Tingkat 4, Bangunan SSAAS, 40000 Shah Alam mulai **1 Februari 2016** hingga **22 Februari 2016**. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk **Draf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Bendahari Negeri Selangor**. Petender/Wakil yang sah hendaklah membawa bersama SIJIL ASAL DAN SALINAN SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA(KKM) DAN PENDAFTARAN UPEN.

2. Tarikh tutup tender adalah : **22 Februari 2016 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.** Borang tawaran yang telah diisi dengan lengkapnya hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat atau diikat kemas dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat dengan kod tender **TENDER/PTGS/01/2016** dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat seperti berikut :
**Peti Tender, Pejabat Tanah dan Galian Selangor**
**Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 4, Bangunan Sultan**
**Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor**

3. Petender dimestikan mengisi borang-borang yang terdapat di dalam Dokumen Tender ini dan melampirkan perkara-perkara yang dinyatakan dengan sempurna. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.** Kerajaan Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana - mana tawaran.

Tarikh : 29 Januari 2016

Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Majlis Perbandaran Selayang

## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
## KENYATAAN TENDER

a) Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat/pembekal yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

| BIL | NO. TENDER | TAJUK PROJEK | GRED & PENGKHUSUSAN | HARGA (RM) | TARIKH JUAL DAN TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MPS/T/ 01/16 | Cadangan Membekal, Merekabentuk, Membina Dan Memasang Lori Jenis High Pressure Water Jetter Dan Lori Jenis Heavy Duty Suction Tan 8CU Meter Lengkap Bersama Insuran Dan Lain-Lain Perkara Yang Berkaitan Untuk Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesihatan Majlis Perbandaran Selayang. | Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Dan Majlis Perbandaran Selayang **110104** (Lori) | 150.00 | 05/02/2016 hingga 26/02/2016 |

b) Dokumen Tender boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi – 11.45tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).

c) Bayaran dokumen tender akan dikenakan ***6% Goods & Services Tax (GST).*** Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

d) Dokumen tender akan dikeluarkan kepada syarikat/pembekal atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil syarikat/pembekal dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa.**

e) Syarikat/pembekal yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :

**i) Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia**
**ii) Salinan Surat Perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

f) Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup sebutharga.**

g) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan **di talian 03-6126 5838.**

**YANG DIPERTUA**
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**




# Tolak SUKE, suka pengangkutan awam

**PETALING JAYA** - Langkah Kerajaan Negeri meningkatkan sistem pengangkutan awam untuk kegunaan rakyat disambut baik dan disokong banyak pihak.

Kumpulan Say No To Suke menyatakan dialog pelan induk pengangkutan awam Selangor bersama wakil rakyat dan badan bukan kerajaan (NGO) peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), yang berlangsung pada 28 Januari lalu adalah langkah wajar.

Wakilnya, Agos Hassan, berkata seperti mana perancangan dijalankan di kawasan seliaan MBPJ, pihaknya berharap tindakan sama dijalankan Kerajaan Negeri di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Berikutan itu, pihaknya berharap Kerajaan Negeri mengambil langkah membatalkan projek pembinaan Lebuh Raya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) di Ampang sebagaimana dilakukan terhadap projek Lebuh Raya Kinrara-Damansara (KIDEX).

"Ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan rakyat.

"Saya berharap Kerajaan Negeri akan menepati janji mereka mengikut pelan induk di mana pelan terbabit menyatakan lebuh raya bukan jawapan kepada masalah kesesakan lalu lintas," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri boleh membangunkan kawasan projek terbabit dengan sistem pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) atau yang bersesuaian.

Katanya, berdasarkan warta Kerajaan Negeri, langkah pengambilan tanah boleh dilakukan biarpun dinyatakan pelaksanaannya tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

"Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan besar dalam perkara ini dan menggunakan kepakaran bagi menggantikannya dengan sistem pengangkutan awam," katanya.

Freddie Ong pula berkata, dialog dijalankan itu adalah baik dan ia juga menjelaskan berhubung Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang berubah dan luput dalam tempoh dua ke tiga tahun.

"Kita memang menyokong penggunaan pengangkutan awam berbanding lebuh raya yang memudaratkan rakyat kerana ia berkaitan pihak konsesi dengan perjanjian lama hingga 50 ke 60 tahun," katanya.

> **Saya berharap Kerajaan Negeri akan menepati janji mereka mengikut pelan induk di mana pelan terbabit menyatakan lebuh raya bukan jawapan kepada masalah kesesakan lalu lintas**
>
> **AGOS HASSAN**
> Wakil Say No To SUKE

Diakui berkesan dan berbaloi

# HIJRAH bantu peniaga kembang perniagaan

OLEH **NORHAYATI UMOR**







**PETALING JAYA** - Program HIJRAH membantu golongan peniaga mengembangkan keusahawanan bermula dari tepi jalan sehingga ke restoran.

Peserta HIJRAH, Salina Mohd Halidan, 37, berkata beliau menyertai program pinjaman daripada Kerajaan Negeri itu sejak tujuh tahun lalu menerusi program MIMBAR.

Katanya, dengan bermodalkan RM3,000, beliau kini berpuas hati dengan bantuan daripada Kerajaan Selangor itu.

"Dengan MIMBAR, saya sudah meminjam tiga kali pusingan dan HIJRAH satu kali dengan pinjaman sebanyak RM10,000.

"Jika dulu saya meminjam RM3,000 untuk membeli payung, kaki meja, sekarang saya mampu mempunyai restoran sendiri," katanya yang kini sedang memohon pinjaman RM30,000.

Beliau berkata, pinjaman berkonsepkan asas simpanan itu adalah program yang bagus dan berbaloi kepada semua peniaga.

Sementara itu, Mior Azim, 31, berkata pinjaman sebanyak RM5,000 dengan HIJRAH menjadi titik permulaan untuk beliau mengembangkan perniagaannya.

Katanya, beliau kini sudah mempunyai empat cawangan di Matahari Mall, Bandar Kinrara, Klang dan Star Avenue.

"Saya mendapat tahu program ini daripada kawan. Jadi, tahun lepas saya cuba mohon dan berjaya.

"Walaupun pinjaman dengan modal kecil, namun ia serba sedikit membantu menambah baik perniagaan sedia ada," katanya.

Pemilik makanan barat, MIOS itu berkata program HIJRAH adalah program telus, mudah dan menepati sasaran peniaga.

"Kepada peniaga di luar sana, program HIJRAH sesuai untuk anda. Saya kini menantikan pinjaman pusingan kedua daripada program ini," katanya.



## HIJRAH dan UNISEL bersama laksana kajian

**PETALING JAYA** - Program pinjaman berasaskan simpanan, HIJRAH bakal bekerjasama dengan Universiti Selangor (UNISEL) untuk membuat kajian keberkesanan program terbabit.

Pengurus Zon 3 HIJRAH, Mohamed Asri Abdul Hamid, berkata hal itu bagi membolehkan orang ramai mengetahui impak positif dari analisis program HIJRAH.

"Bulan Mac ini, cukup setahun program HIJRAH dilaksanakan.

"Kita tahu program ini sangat memberi kesan penambahan ekonomi kepada peserta," katanya kepada SelangorKini selepas melawat peserta HIJRAH di Matahari Mall, Taman Dato' Harun, di sini, pada 1 Februari lalu.

Hadir sama Adun Taman Medan, Haniza Talha.

Asri berkata akhir Januari lalu, peserta Hijrah sudah mencecah seramai 17,500 orang.

Sementara itu, Haniza berkata beliau mahu penduduk di kawasannya menjana pendapatan lebih baik terutamanya ketika krisis ekonomi ketika ini.

"Dengan kos perbelanjaan meningkat, ramai yang tidak mampu menampung perbelanjaan. Jadi, saya berpendapat mereka harus menjana pendapatan dengan berniaga.

"Oleh kerana itu, saya turun padang melawat dan mendengar sendiri dari peserta kerana kita tahu HIJRAH membantu peniaga kecil yang ingin memulakan perniagaan mahupun menambah produk mereka," katanya.

Setakat ini, seramai 416 peserta menyertai HIJRAH di Parlimen Petaling Jaya Selatan.

## KOSAJA tawar 200 tapak Uptown di Kuala Selangor

**SHAH ALAM** - Sebanyak 200 tapak perniagaan berkonsepkan Uptown dibuka di Kuala Selangor.

Pengerusi Koperasi Sahabat Sejati (KOSAJA), Zaaim Hasman, berkata inisiatif itu bagi membantu usahawan muda atau baru untuk memulakan perniagaan mereka.

"KOSAJA menggunakan pendekatan serampang dua mata bagi mempromosikan Uptown Kuala Selangor iaitu bagi menggalakkan pelancongan di daerah itu dan membuka ruang kepada usahawan kecil memasarkan produk serta menambah pendapatan mereka," katanya dalam kenyataan kepada SelangorKini.

Zaaim berkata, konsep Uptown Kuala Selangor yang diketengahkan berbeza dengan Uptown sedia ada sebelum ini.

"Peniaga hanya perlu membawa produk jualan mereka kerana penganjur sudah siap menyediakan kanopi, bekalan elektrik dan kemudahan lain," katanya.

Uptown Kuala Selangor dibuka setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula dari jam 5 petang hingga 3 pagi.

"Jangan lepaskan peluang kerana permintaan yang kami terima setakat ini amat tinggi dan saya sarankan supaya usahawan berminat segera menghubungi pihak koperasi sebelum tapak habis disewakan,"katanya lagi.

Uptown Kuala Selangor yang terletak di Jalan Peninsular Utama 1, Taman Peninsular akan mula dibuka pada 5 Februari ini.

"Kami yakin Uptown Kuala Selangor akan setanding seperti Uptown lain di Selangor kerana kini penduduk Kuala Selangor sudah mencecah 60,000 orang tidak termasuk kawasan sekitarnya seperti Meru dan Tanjung Karang," katanya.

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi 011 15654282 (Zaaim), 018 3577346 (Safuan) , 017 2211558 (Amin) atau 011 12371636 (Bob) untuk menempah lot terawal.

## Azhara tampil reka bentuk kontemporari berciri moden

**RAWANG** - Berkonsepkan reka bentuk moden dan kontemporari, rumah berkembar dua tingkat, Azhara di Antara Gapi, Serendah, di sini pastinya menambat hati pembeli dengan suasana persekitaran damai.

Pengurus Pemasaran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Mah Fizul Rusydin Abd Rashid, berkata reka bentuk kediaman itu bukan sahaja menarik, bahkan direka bersesuaian dengan cita rasa masyarakat moden masa kini.

"Rumah yang ditawarkan PKNS bertepatan dengan citarasa masyarakat yang inginkan suasana damai dan selesa melengkapi kehidupan seharian.



"Sambutan hari ini juga menggalakkan dan kami turut menyediakan panel bank untuk menyemak kelayakan pengunjung bagi yang berminat membeli," katanya sewaktu pelancaran Rumah Azhara di Galeri Jualan Antara Gapi, Serendah, pada 31 Januari lalu.

Katanya, kediaman itu menawarkan dua keluasan iaitu 2,714 kaki persegi (kps) dan 2,796 kps, ditawarkan pada harga bermula RM776,550 hingga RM838,476.

Menariknya, Azhara berhampiran dengan pelbagai kemudahan seperti Stesen Komuter Serendah, Pasaraya Giant serta memiliki akses mudah melalui Lebuhraya Utara Selatan.

Lokasinya juga strategik dengan hanya 12 kilometer (KM) dari pekan Rawang dan 30 minit perjalanan ke Kuala Lumpur.

























**01**
Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyampaikan kira-kira 1,500 sumbangan kepada masyarakat cina di Kuala Ampang dan Taman Sri Gombak

**02**
Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman mengedarkan kalendar 2016 sebelum berlepas ke Pasar Besar Klang untuk mengedarkan buah limau dan ang pow kepada lebih 352 peniaga berbangsa Cina

**03**
Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan turun menyertai pemasangan tanglung bagi memastikan persiapan Tahun Baru Cina di DUN itu berjalan lancar

**04**
Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh menyampaikan baucar Jom Shopping RM100 kepada 700 keluarga sempena sambutan Tahun Baru Cina

**05**
Adun Cempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad tidak melepaskan peluang mengedarkan limau kepada orang ramai di hadapan sekolah

**06**
Adun Taman Medan, Haniza Talha mengedarkan limau sempena Tahun Baru Cina kepada pengunjung Pasar Jalan Othman

**07**
Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin mengedarkan limau mandarin dan sampul ang pow kepada pengunjung Pasar Pagi SS2

**08**
Adun Kinrara, Ng Sze Han turut melibatkan diri dalam persiapan menyambut tahun baru di kawasannya dengan melukis mural

**09**
Ahli Parlimen Selayang, William Leong memberi sumbangan kepada warga emas Kundang yang berumur 102 tahun



## Cabaran ekonomi Selangor 2016

# Pertingkat usaha rancak pelaburan

Ekonomi global dan Malaysia diramal berhadapan cabaran getir susulan kejatuhan harga minyak dunia dan kelembapan ekonomi. Ekoran itu Selangor dijangka turut menerima sedikit tempiasnya kesan keadaan ekonomi itu.

Namun perancangan rapi dan strategi dirancang Kerajaan Selangor bagi menyerap kesan negatif situasi itu dilaksanakan melalui Belanjawan 2016 yang dibentangkan pada Oktober 2015 lalu.

Selain itu , sektor industri kecil dan sederhana (IKS) diberi perhatian khusus bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri dan meningkatkan peluang pekerjaan rakyat.

Turut menjadi keutamaan pada 2016 adalah memperbaiki sistem pengangkutan awam melalui Bas SMART Selangor dan sistem jaringan kemudahan bagi memudahkan pergerakan rakyat.

Ikuti wawancara khas wartawan SelangorKini, **AFIX REDZUAN** bersama **EXCO PELABURAN, PERINDUSTRIAN IKS SERTA PERDAGANGAN DAN PENGANGKUTAN, DATO' TENG CHANG KHIM.**

Q&A



### Strategi memperkasa pelaburan

**Berapakah sasaran unjuran pelaburan Selangor pada 2016?**

2016 adalah tahun mencabar susulan kejatuhan harga minyak, nilai ringgit dan beberapa hasil negara serta kelembapan ekonomi dunia. Dijangkakan tahun ini kita bakal menghadapi cabaran besar dengan penurunan (sasaran) dijangka berlaku.

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih belum jelas dengan perkara itu dan masih belum dapat menentukan angka sasaran. Seperti diumumkan Menteri Besar pada November lalu, sebagai langkah menarik pelabur dan memperkukuh industri, Selangor bakal melancarkan projek besar Selangor Bio-Bay.

1,000 ekar tanah sudah disediakan di Pulau Indah selain ekosistem yang baik untuk pembangunan bioteknologi ini. Ia disusuli penganjuran kedua Expo Antarabangsa Selangor. Pencapaian tahun lepas sangat menggalakkan dengan penyertaan 400 gerai dan menarik 50 peratus peserta daripada luar negara.

Untuk pembangunan industri kecil sederhana (IKS), kita mula menceburi E-Dagang dengan Selangor Digital Creative Center (SDCC) melatih dan memberikan kursus kepada mereka yang berminat. Insentif juga akan terus diberikan kepada pengusaha IKS yang ingin menceburi E-Dagang.

**Apakah kesan kepada sektor pelaburan di Selangor berikutan kejatuhan nilai mata wang dan prestasi ekonomi yang merudum?**

Masalah utama adalah ketidaktentuan keadaan semasa yang melambatkan kemasukan pelabur asing malah pelabur dalam negeri juga berhadapan masalah. Meskipun berlaku kelewatan, kita menjangkakan dapat menyerap gegaran ini kerana keadaan kejatuhan ringgit membantu pengilang menghasilkan barangan untuk eksport.

Dengan itu, nilai pulangan meningkat, namun ia masih dalam keadaan tidak menentu kerana kejatuhan nilai ringgit tambahan keadaan ini juga tidak dapat dipastikan terus berlaku atau sebaliknya. Nilai ringgit perlu kembali mantap sebelum kita membuat ramalan lebih tepat.

**Apakah inisiatif lain untuk menarik pelabur selain pembukaan projek Selangor Bio-Bay dan Expo Antarabangsa Selangor?**

Dua atau tiga projek yang saya maklumkan tadi adalah inisatif baru dengan langkah memperluas skop menarik pelaburan Selangor. Program promosi di luar negara masih diteruskan dan dipergiat.

Untuk 2015, saya melawat 18 bandar raya di seluruh dunia termasuk dalam negara. Bagi 2016, seperti yang dijadualkan melawat 24 bandar raya untuk mempromosikan Selangor.

Kebanyakan lokasi tertumpu di luar negara kerana dalam negara, Selangor memang dikenali sebagai pusat pelaburan utama. Antara lokasi yang bakal dilawati adalah Amerika Syarikat, Eropah Jepun, Korea, Australia, India dan China.

**Dalam program lawatan 2015, negara apakah yang memberikan pulangan pelaburan terbesar dan bidang penumpuan untuk Selangor?**

Selama ini mengikut rekod Jepun memberikan pelaburan tertinggi dalam bidang digital dan teknologi tinggi. Diikuti Singapura kerana mereka menjadi pangkalan kepada beberapa buah negara. Dari situ kita memperoleh pelaburan daripada pelbagai bidang seperti kejuruteraan, jentera dan elektrik.

Kita juga mempunyai potensi dalam bidang teknologi tinggi *(hi-tech)* pembuatan peralatan bagi kapal terbang. Sebagai contoh, tahun lepas kita memperoleh pelaburan RM800 juta daripada Rolls Royce (RR) melalui UMW yang mana kilang pertama dalam proses mendapatkan kelulusan pembinaan. Itu satu kejayaan agak besar kepada Selangor.

Bidang aeroangkasa memerlukan teknologi tinggi dan melibatkan banyak proses yang membantu membina lebih banyak rekaan.

Kita juga memperoleh pengembangan pelaburan daripada syarikat luar negara seperti Nestle Product Sdn Bhd dengan nilai tambahan RM340 juta. Beberapa usaha juga dilakukan bagi menjadikan Selangor sebagai pusat dagangan serantau.

> **Masalah utama adalah ketidaktentuan keadaan semasa yang melambatkan kemasukan pelabur asing, malah pelabur dalam negeri juga berhadapan masalah. Meskipun berlaku kelewatan, kita menjangkakan dapat menyerap gegaran ini kerana keadaan kejatuhan ringgit membantu pengilang menghasilkan barangan untuk eksport**

Beberapa syarikat E-Dagang melakukan kajian bagi menjadikan Selangor sebagai pusat E-Dagang untuk Asia Tenggara kerana kita mempunyai pelaburan antara yang terbesar selepas Singapura.

**Boleh nyatakan secara ringkas statistik pelaburan di Selangor pada 2015? Adakah ia mencapai sasaran ditetapkan?**

Buat masa ini kita belum mendapat perangkaan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Kita mempunyai keyakinan memperoleh pulangan sekurang-kurangnya RM8 bilion untuk 2015.

### Pelaksanaan Bas SMART Selangor

**Pelaksanaan Bas SMART Selangor, adakah ia juga bakal disediakan di kawasan luar bandar?**

Apabila kita memulakan projek Bas SMART Selangor atau dahulunya dikenali sebagai Bas Selangorku, tiga bandar sudah terpilih; Klang, Shah Alam dan Subang Jaya dengan perbelanjaan RM3.5 juta.

Pada tahun lepas apabila kita mempunyai lebihan, maka dilancarkan dua lagi laluan di

Ampang Jaya dan Kajang. Lima perbandaran utama di Selangor sudah dibekalkan dengan bas percuma ini termasuk Petaling Jaya yang menggunakan peruntukan sendiri.

Secara keseluruhan enam kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk sudah melaksanakan program bas percuma.

Kita dalam perancangan memperkenalkan tiga laluan utama di kawasan luar bandar. Ini penting dan strateginya berbeza berbanding yang dilaksanakan sekarang. Bagi enam bandar sebelum ini ia melibatkan laluan dalam bandar itu sendiri.

Dalam kajian kita ia bakal dilaksanakan sebelum Julai 2016. Tiga laluan yang merentasi sempadan perbandaran; Selayang ke Rawang dan Kuala Kubu Bharu dengan merentasi Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Kedua dari Kuala Selangor ke Sekinchan hingga Sungai Besar dengan merentasi Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Laluan ketiga melibatkan Banting ke Morib, Tanjung Sepat dan Sungai Pelek.

Jika kita berjaya melancarkannya sebelum Julai bererti kita sudah berjaya membekalkan bas percuma ke seluruh majlis perbandaran di daerah Selangor.

**Selepas program bas percuma dilaksanakan lebih dua tahun, adakah ia berkesan dan mencapai kepada golongan sasaran?**

Jika kita melihat dari segi perangkaan, jumlah penumpang meningkat setiap bulan. Petaling Jaya menggunakan bas sendiri sementara bas yang disediakan Kerajaan Negeri menunjukkan Shah Alam mempunyai jumlah penumpang tertinggi.

Dari segi purata antara Shah Alam, Subang Jaya dan Klang sehingga penghujung 2015, setiap hari kita mempunyai 3,700 penumpang. Itu satu angka yang sangat menggalakkan.

Kedudukan Shah Alam mempunyai ramai penjawat awam dan pelajar turut menyumbang kepada faktor jumlah penumpang yang tinggi. Peningkatan penumpang turut didorong dengan laluan merentasi kawasan sekolah dan perumahan.

Apabila jumlah penumpang itu tinggi, ia menunjukkan satu usaha yang baik dan kita berjaya mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.

**Orang awam melihat bas percuma yang digunakan rakyat lebih menguntungkan warga asing berbanding peluang rakyat tempatan. Apa pandangan Datuk?**

Gambaran itu tidak benar, hanya bergantung kepada andaian kerana pekerja asing yang datang ke Malaysia untuk bekerja, bukan ingin menaiki bas percuma.

Apabila mereka menggunakannya hanyalah untuk pergi dan pulang ke tempat kerja serta membeli belah. Bukan mereka datang untuk naik bas.

Andaian itu tidak betul dan jika kita lihat sudah tentu penduduk tempatan jauh lebih ramai daripada warga asing. Jika warga asing lebih ramai daripada penduduk Malaysia yang menggunakan bas, bererti kita tidak menggunakannya.

**Bagaimanakah Kerajaan Negeri ingin menjayakan nisbah 60:40 pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian?**

Nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian 60:40 ditetapkan Kerajaan Selangor kerana kita tidak boleh bergantung kepada nisbah yang ditetapkan Kerajaan Persekutuan 40:60.

Selangor mempunyai kawasan luas dan jika kita bergantung kepada sasaran nisbah Kerajaan Persekutuan maka ramai penduduk di Malaysia menggunakan kenderaan persendirian dalam kawasan Selangor kemudian menggunakan kenderaan awam ke Kuala Lumpur.

Itu hanya membantu kerajaan di Kuala Lumpur, tidak di Selangor. Maka, kita tetapkan nisbah 60:40 dan untuk menjayakannya bukan sahaja menyediakan bas percuma, bahkan melantik perunding untuk menyediakan Pelan induk Pengangkutan Awam Selangor.

Saya percaya dalam bulan hadapan pelan induk ini akan siap dan Kerajaan Negeri dalam proses berdialog bersama penduduk di empat kawasan; Klang, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Ampang Jaya supaya memperoleh maklum balas daripada mereka.

Ini meliputi 12 projek merangkumi pembinaan landasan keretapi baru daripada Serendah ke Pelabuhan Klang, Seremban ke Pelabuhan Barat. Ada juga dicadangkan lingkaran Transit Aliran Ringan (LRT) dan *Mass Rapid Transit* (MRT) yang menyambungkan cadangan lintasan atau jajaran dibina Kerajaan Persekutuan.

Saya mencadangkan Kerajaan Persekutuan melihat kepada pelan induk kita dan mengikut jangkaan RM62 bilion diperlukan untuk perbelanjaan tidak termasuk kos pengambilan tanah bagi menyiapkan 12 projek dalam pelan itu.

Kita tumpu kepada pembinaan landasan untuk keretapi tanpa memasukan pelan pembinaan lebuh raya. Kita merasakan pembinaan lebuh raya tidak menyelesaikan masalah lalu lintas.

## Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

**Berapakah peruntukan untuk IKS pada tahun ini?**

Sebenarnya dalam proses belanjawan kali ini kita memperuntukkan RM12 juta untuk tiga teras pelaburan, perdagangan dan IKS kerana untuk melatih usahawan adalah tanggungjawab Exco lain.

Di bawah portfolio saya adalah mengangkat usahawan yang lebih baik untuk ke tahap lebih tinggi. Kita tiada peruntukan khusus dan pendekatan berbeza bagi IKS dengan penyediaan platform lebih besar, bukan dengan pemberian geran atau bantuan secara langsung.

Apabila kita menggalakkan usahawan menceburi bidang E-Dagang, kita menyediakan program khusus bagi melatih mereka dan membantu menyediakan laman sesawang serta aplikasi.

Setiap IKS yang berjaya dan berminat, kita memperuntukkan RM20,000 seorang dan RM2 juta disediakan bagi membantu melatih 100 orang IKS menceburi E-Dagang.

**Dari manakah Selangor belajar untuk memperkenalkan E-Dagang dengan menjadikan negara tertentu sebagai rujukan?**

E-Dagang adalah satu bidang tidak mempunyai *standard* khusus di dunia dan kita melihat apa yang sudah berlaku di Malaysia walaupun sebelum ini tidak mempunyai galakan daripada kerajaan tetapi ia sudah wujud.

Bahkan ada syarikat dan orang perseorangan yang sudah berjaya menerusi E-Dagang. Kita perlu melihat syarikat besar yang sudah berjaya seperti di China, Korea dan Taiwan.

Negara (luar) ini memberikan sistem berlainan dan Selangor menyediakan silibus sendiri supaya IKS dapat dimajukan sambil menjadikan mereka sebagai panduan hasil kacukan semua model itu.

**Berdasarkan pengalaman kegawatan ekonomi pada 1990-an, IKS membantu negara Asia seperti Jepun dan Korea keluar lebih awal daripada kegawatan, bagaimana peranan mereka digunakan sepenuhnya sekarang?**

Kalau ikut perangkaan walaupun ia mungkin tidak tepat, sekurang-kurangnya 70 hingga 80 peratus daripada peserta dalam bidang perindustrian ini terdiri daripada IKS.

IKS perlu diberikan tumpuan khususnya Kerajaan Persekutuan dengan memberikan peruntukan besar bagi membantu mereka. Kerajaan Negeri sekadar boleh menambah nilai untuk mereka berdasarkan apa yang sudah disediakan Kerajaan Persekutuan.

Selangor mengambil pendekatan berlainan supaya barangan IKS dapat dipasarkan ke serata dunia.

Tahun lepas kita mengadakan Expo Antarabangsa bagi memasarkan produk kita dan memberikan pendedahan kepada usahawan.

**Apakah harapan Dato' selaku Exco Selangor bagi memastikan portfolio yang dipegang dapat dijayakan?**

Selangor sudah tentu dengan infrastruktur dan logistik yang baik harus menggunakan segala kelebihan ini untuk mencapai tahap lebih baik.

Kebergantungan kepada usaha Kerajaan Negeri semata-mata tidak mencukupi, bahkan kita memerlukan kerjasama semua pihak termasuk dewan perniagaan dan masyarakat keseluruhannya.

Pelbagai pendekatan baru diambil Kerajaan Negeri yang sebelum ini tidak pernah dilakukan namun memerlukan sokongan dan kepercayaan semua untuk dijayakan.



**Kita tumpu kepada pembinaan landasan untuk keretapi tanpa memasukan pelan pembinaan lebuh raya. Kita merasakan pembinaan lebuh raya tidak menyelesaikan masalah lalu lintas.**

## Air mata, perpaduan dan persahabatan

# Ola Bola imbau kegemilangan Harimau Malaya




OLEH **AFEEQA AFEERA**

BEKAS pensyarah saya menulis di Facebooknya, "Semangat persahabatan dan perpaduan tanpa batasan kaum diterjemahkan secara dinamik termasuk sentimen kecintaan terhadap negara melalui bola.

"Jika sekarang kita prejudis antara satu sama lain, maka filem Ola Bola mampu menarik kita kembali ke zaman *we fight for the country not for glory and money*."

"Kami terkedu, ketawa, hiba, terharu dan tersentuh dengan cara watak pemain bola serta jurulatih ditampilkan.

"Sebaik keluar *ending credit*, kami betepuk tangan tanpa disedari inilah kali pertama semua bangsa duduk dalam pawagam menyokong Malaysia *in a way*."

Saya membaca satu persatu ayat itu dengan senyuman terukir di bibir kerana jarang sekali melihat pensyarah jurusan filem seperti beliau memberi pujian kepada karya tempatan.

Yakin buah tangan terbaharu Chiu Keng Guan itu mempunyai aura seperti filem sebelumnya, saya mengambil peluang menonton sendiri Ola Bola di pawagam.




### Jalan cerita dan lakonan

Kisah Ola Bola bermula apabila seorang wartawan, Marianne ditugaskan untuk membuat kajian berkenaan pasukan bola sepak negara yang mencipta nama pada era 80an.

Bosan dengan kerjayanya, Marianne membuat keputusan untuk berhijrah ke England, namun tetap menyiapkan tugasannya buat kali terakhir tanpa menyedari perkara itu bakal mengubah hidupnya.

Mengimbau awal era 80-an, pasukan bola sepak negara ketika itu berdepan cabaran apabila pemain tidak sehaluan sehingga berlaku siri kekalahan dalam perlawanan penting.

Ketika itu, mereka hanya mempunyai satu peluang untuk beraksi di persada dunia dan perlu mengetepikan hal peribadi demi mengharumkan nama negara.

Tatkala kesungguhan untuk menang membakar dalam diri masing-masing, mereka diduga dengan satu cabaran yang merencatkan semangat pasukan.

Diilhamkan dari peristiwa benar, penonton disajikan dengan kehidupan pelbagai bangsa yang bersatu hati menebus kekalahan mereka kepada Korea Selatan pada 1976 untuk ke Sukan Olimpik.

Menampilkan kapten berbangsa Cina, penjaga gol India, pertahanan bangsa Punjabi, penyerang Sabah dan Melayu yang setanding lagenda terdahulu, Ola Bola jelas menyuntik elemen perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Meskipun jalan ceritanya ringkas, namun pengolahan profesionalnya memberi impak tinggi kepada penonton dengan setiap ahli pasukan mempunyai kisah tersendiri.

Tabik *spring* diberikan kepada skrip filem ini yang melihatkan semua bangsa bersahabat tanpa prejudis, malah lakonan watak juga nampak *natural*.

Koreografi bola sepak dalam filem itu juga harus diberikan kredit kerana bukan mudah mengarahkan babak bola sepak yang sarat aksi ditambah dengan lawak jenakanya yang bersahaja.

### Kesimpulan

Ola Bola akan menjadikan kita semua bangga menjadi rakyat Malaysia kerana ia sarat mesej dan nilai murni yang jarang dipaparkan dalam filem tempatan.

Perbezaan warna kulit, bahasa percakapan dan pendapat yang selama ini menjadi isu perlahan-lahan terhakis dan berubah menjadi satu.

Saya tidak malu mengatakan air mata bergenang tatkala menonton babak dalam filem itu dan saya yakin ia turut dirasai penonton lain.

Filem ini bukan sahaja mengajar kita berusaha bersungguh-sungguh dan bekerjasama dalam mencapai cita-cita, malah perlu sentiasa bersatu tidak mengira kaum dan percaya dengan kebolehan diri sendiri.

Mungkin tidak setanding filem Hollywood atau Bollywood seperti Dilwale (yang menjadi kegilaan ramai),

Ola Bola adalah pembuka selera 2016 dan bakal memberi perspektif berbeza kepada rakyat Malaysia.



Isu larangan masuk sekolah

# "Bukan alat politik, bebaskan sekolah kita"

**SHAH ALAM** - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu menjadikan isu larangan memasuki sekolah sebagai pengajaran bahawa institusi itu tidak seharusnya dijadikan alat politik.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata perkara sama dihadapi wakil rakyat pembangkang sejak sekian lama apabila mereka dilarang memasuki sekolah bagi menghadiri program dan acara tertentu.


Hannah Yeoh
6 hrs ·

Muhyiddin barred from speaking at an event in a school in USJ4? Welcome to the club. Pakatan Harapan elected reps have been highlighting this injustice since 2008. Until today, as ADUN for Subang Jaya I am still barred from attending school events and can't even enter schools to carry out dengue awareness program or gotong-royong! If I were to give the school a cheque, I have to do it outside the school gate. Back then Muhyiddin was Education Minister. I hope they realise now how schools should never be used as a political tool and I will repeat again what we have been saying all along - set our schools free!

"Pakatan Harapan menekankan ketidakadilan ini sejak 2008. Sehingga hari ini, sebagai Adun Subang Jaya saya, masih disekat menghadiri acara sekolah dan tidak boleh masuk ke sekolah untuk program kesedaran denggi atau gotong - royong.

"Diharap mereka sedar sekarang bagaimana sekolah tidak boleh digunakan sebagai alat politik dan saya ulangi sekali lagi apa yang kita kata selama ini, bebaskan sekolah kita," kata Speaker DUN Selangor itu dalam laman *Facebook*nya, pada 1 Februari lalu.

Katanya, beliau sendiri pernah disekat daripada menghadiri acara di Sekolah Menengah Subang Utama, tidak lama selepas menjadi Adun Subang Jaya.

Sebelum ini, Muhyiddin tidak dibenarkan berucap di SMK USJ14 bagi melancarkan Liga Bolasepak Belia Komuniti Subang Jaya.



# Naib Canselor turun tinjau fasiliti asrama

**SHAH ALAM** - Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman mengadakan lawatan ke asrama universiti itu di Kampus Shah Alam bagi meninjau sendiri keadaan fasiliti dan mengenalpasti keperluan penambahbaikan.

Selaku Presiden, Mohammad Redzuan berkata, beliau mahu memastikan pelajar asrama berada dalam keadaan kondusif dengan persekitaran kediaman dan pembelajaran.

"Hasil tinjauan, saya berpuas hati dengan keadaan asrama berkenaan, namun mahu ia diperbaiki dalam beberapa perkara.

"Tumpuan utama pada masa ini adalah untuk meningkatkan keselesaan kepada pelajar serta landskap di kedua-dua kampus," lapor portal rasmi UNISEL.

Dalam lawatan terbabit, Mohammad Redzuan sempat beramah mesra bersama staf penyelia asrama serta pelajar.

Beliau turut melawat dua unit asrama yang mampu menempatkan kira-kira 700 pelajar.

# Pinjaman Pelajaran sesi 2016 dibuka

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor mempelawa semua pelajar yang memenuhi kelayakan untuk memohon Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor bagi Sesi Pertama 2016.

Pelajar boleh membuat permohonan secara atas talian bermula 1 Februari sehingga 29 Februari ini di laman sesawang rasmi Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor di http://tkwbns.selangor.gov.my/portal/.

Syarat kelayakan permohonan adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada rakyat DYMM Sultan Selangor.

Pemohon juga adalah kelahiran di Selangor atau Ibu atau bapa lahir di Selangor; atau pemohon bermastautin lebih lima tahun di Selangor dengan pengesahan daripada Adun, Penghulu, Pengerusi JKKK/Ketua Kampung.

**Kadar Pinjaman Pelajaran Selangor (Sesi Pertama 2016)**

| Peringkat | Kadar (setahun) |
|---|---|
| Ijazah *(Perubatan)* | RM7,000.00 |
| Ijazah *(Lain-lain)* | RM6,500.00 |
| Diploma | RM4,900.00 |
| Sijil | RM4,000.00 |



# 121 pelajar Universiti Bina Darma lawat UNISEL

**SHAH ALAM** - Seramai 121 pelajar Universiti Bina Darma, Palembang, Indonesia mengadakan lawatan akademik ke Universiti Selangor (UNISEL) untuk meningkat kerjasama, baru-baru ini.

Lawatan diadakan di Kampus Bestari Jaya itu dihadiri Pengarah Institut Kajian Malaysia Indonesia, Prof Mohd Zaidi Mohd Hajazi serta Timbalan Naib Canselor Akademik Universiti Bina Darma, Prof Dr Zainuddin.

Pemangku Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan, Prof Dr Mokhtar Abdullah turut berucap dalam majlis itu.

Majlis berkenaan dimuatkan dengan bengkel mengupas isu terkini melibatkan teknologi maklumat dan penyelidikan masa kini.

Delegasi turut melawat Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

# UNISEL anjur ceramah bulanan, rapat ukhuwah staf

**SHAH ALAM** - Universiti Selangor (UNISEL) menganjurkan Ceramah Bulanan sebagai pengisian kepada staf universiti itu.

Pendekatan baharu itu diambil dengan fokus perkongsian ilmu dan merapatkan ukhuwah dalam kalangan staf.

Ceramah Bulanan bertajuk 'Konsep Ibadah di Dalam Kerja' disampaikan Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar, Abdul Rashid Abdul Aziz.

Program berkenaan turut dihadiri Presiden dan juga Naib Presiden UNISEL, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman.

*Shah Alam Trees For Life 2016*

# 300 sertai program hijaukan Shah Alam

OLEH **SYASYA SUFIAN**

**SHAH ALAM** - Seramai 300 peserta termasuk 100 pelajar dari Universiti Monash bersama kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menanam 300 pokok buluh (Bambusa Vulgaris) bagi program 'Shah Alam Trees For Life 2016'.

Pegawai Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata program itu diadakan untuk kali pertama pada 2016 bertempat di kawasan Persiaran Raja Muda, Persiaran Pegawai, Bulatan Setia Jasa, Seksyen 14 di sini dengan kerjasama Universiti Monash.

"Program itu sebagai tanda komited MBSA untuk terus menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam melalui aktiviti penanaman pokok.

"Shah Alam juga diberikan wajah baru dengan konsep teduhan hijau pada kawasan persekitaran terbabit, sekaligus menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya dalam taman," katanya dalam kenyataan media.

Selain itu, katanya, melalui program penanaman pokok itu, MBSA menggalakkan penyertaan daripada badan korporat dan syarikat swasta yang mengamalkan dan ingin melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Universiti Monash menyumbangkan RM30 untuk setiap pokok ditanam sebagai tanda sokongan dan komited terhadap program ini.

"Program ini menerapkan budaya kerja secara sukarelawan kepada peserta khususnya kepada pelajar dan generasi muda," katanya.



**Peserta mengambil bahagian menanam pokok sempena program *Shah Alam Trees For Life 2016***

# Hanya di DUN Bukit Gasing, seekor tikus RM3

**PETALING JAYA** - Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Adun Bukit Gasing, R.Rajiv menawarkan RM3 untuk seekor tikus bagi Kempen Hapus Tikus.

R.Rajiv berkata, kempen itu dijalankan berdasarkan aduan diterima orang ramai daripada pihak jabatan bagi mengurangkan kes tikus semakin berleluasa dan mewujudkan kesedaran berkenaan bahaya penyakit bawaan haiwan itu.

"Setiap seekor tikus dihantar kepada pihak urus setia Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, kami membayar RM3 terus kepada mereka.

**Setiap seekor tikus dihantar kepada pihak urus setia Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, kami membayar RM3 terus kepada mereka**

**R.RAJIV**
Adun Bukit Gasing

"Kempen ini terbuka kepada semua orang awam khususnya di kawasan pentadbiran MBPJ termasuk warga asing untuk turut serta," katanya.




# MBSA bekal RORO di 140 lokasi

**SHAH ALAM** - Sebanyak 140 lokasi penempatan tong sampah besar (RORO) disediakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk memudahkan pembuangan sampah sempena sambutan Tahun Baru Cina yang bakal tiba.

Pegawai Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata perkhidmatan itu sudah dilaksanakan bermula dari 30 Januari hingga 10 Februari ini.

"Tong RORO diletakkan di kawasan yang sudah dikenalpasti di sekitar Shah Alam untuk kemudahan penduduk membuang sampah pukal seperti perabot lama antaranya almari, sofa, tilam, katil dan perkakas elektrik.

"MBSA berharap penduduk memberikan kerjasama memudahkan kontraktor membuat kutipan," katanya dalam kenyataan, pada 31 Januari lalu.

Bagaimanapun, Shahrin berkata, sisa binaan dan sampah sisa pepejal tidak dibenar diletakkan di dalam tong RORO.

**HUBUNGI**
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBSA
**03-55105133**
**sambungan 1644, 1548, dan 1645**

# YDP MDKS gesa Ahli Majlis komited

**KUALA SELANGOR** - Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) diharap menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan awam.

Yang Dipertua MDKS, Noraini Roslan, berkata ia bagi memastikan kesejahteraan awam penduduk Kuala Selangor dengan pendekatan pembangunan "Lean & Green" bagi 2016.

"Seramai 22 dilantik dalam Majlis angkat sumpah Ahli Majlis MDKS sesi 2016-2017 pada 22 Januari lalu.

"Ia terdiri daripada lapan wakil KEADILAN, tujuh wakil PAS dan enam wakil DAP serta seorang wakil daripada AMANAH," katanya.



Sembilan muka baru dilantik adalah Nor Faizah Ismail,Mariana Abdullah dan Magesvaran a/l Arumugam yang mewakili KEADILAN.

Empat wakil dari PAS iaitu Othman Ngah, Muhammad Jafaruddin Sheik Daud, Encik Rosham Muhammad, Mohd Noor Mohd Shahar dan Anandan a/l Damodaran. Manakala Lee Lih Perng muka baru bagi DAP.

**Seramai 22 dilantik dalam Majlis angkat sumpah Ahli Majlis MDKS sesi 2016-2017 pada 22 Januari lalu**

**NORAINI ROSLAN**
Yang Dipertua MDKS



YDP MPK turun serbu

# Pemilik kilang haram terkejut

**KLANG** - Pemilik sebuah kilang haram di sini terkejut apabila premisnya diserbu Majlis Perbandaran Klang (MPK) diketuai Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasid Bidin bersama beberapa pengarah dan pegawai pada 28 Januari lalu.

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata premis menjalankan perniagaan melerai komponen kenderaan terpakai itu seringkali menimbulkan gangguan bunyi bising kepada penduduk setempat terutama kawasan perumahan berhampiran.

"MPK mengeluarkan notis peringatan bagi premis itu menghentikan operasi dalam tempoh tujuh hari dan jika gagal, Jabatan Perancang Bandar mengeluarkan notis kaedah iaitu menghentikan operasi kerana melakukan pemajuan tanpa kebenaran merancang.

"Kegagalan pemilik kilang mematuhi arahan juga menyebabkan mereka berdepan tindakan pendakwaan ke mahkamah atau tindakan perobohan akan dilakukan," katanya

Premis berkenaan juga dikenakan kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Pelesenan, Trade dan Perindustrian kerana tidak mempunyai lesen

Norfiza berkata, notis memberhentikan perniagaan juga diberikan kepada pemilik premis apabila mereka perlu menghentikan operasi sehingga Tahun Baru Cina tidak lama lagi.

"Pemilik premis juga diberikan notis memulihkan tanah kepada keadaan asal mengikut kaedah di bawah Akta Perancang Bandar dan kilang berkenaan juga sentiasa dalam pemantauan MPK bagi memastikan semua syarat dan peraturan dikenakan dipatuhi sehingga tempoh ditetapkan (memberhentikan operasi minggu depan).

"Isu berkenaan kilang haram sentiasa diberi perhatian serius dan MPK tidak berkompromi dalam hal membabitkan ketenteraman awam terutama premis tidak berlesen dan mendirikan struktur secara haram," katanya.

## Tiada perubahan Belanjawan MPSepang

**SHAH ALAM** - Tiada sebarang pengubahsuaian kepada Belanjawan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) bagi 2016 berikutan majlis perbandaran itu tidak terlibat dengan Bajet Persekutuan.

Yang Dipertua MPSp, Datuk Puasa Md Taib berkata, tiada sebarang perubahan dibuat terhadap 'Bajet Mampan Rakyat Sejahtera' itu.

"Kita kekal dengan bajet diputus sebelum ini, tiada perubahan kerana kita tidak terlibat dengan persekutuan.

"Berapa peruntukan yang dicari MPSp itulah yang akan kita dibelanjakan," katanya dipetik Sinar Harian.

Sebelum ini MPSp mengganggarkan mengutip hasil dan pendapatan sebanyak RM128 juta tahun ini.

Sebahagian besar daripada jumlah itu diperuntukkan untuk kerja perkhidmatan pelupusan sisa pepejal, pembersihan awam dan pembersihan parit monsoon.

Sebanyak RM 29.6 juta diperuntukkan bagi kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Kira-kira 23 peratus lagi digunakan bagi pembayaran gaji dan elaun kakitangan majlis.

Manakala baki selebihnya, katanya, sebanyak 54 peratus bakal digunakan bagi membiayai kos penyelenggaraan, pembangunan majlis, aset, program kemasyarakatan, bekalan dan lain-lain perkhidmatan.

**Kita kekal dengan bajet diputus sebelum ini, tiada perubahan kerana kita tidak terlibat dengan persekutuan**

**PUASA MD TAIB**
Yang Dipertua MPSepang

## MPK dekati orang awam jejak masalah perbandaran

**KLANG** - Hari Bersama Pelanggan Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang diadakan di perkarangan Pasar Besar Meru mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat.

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata program selama tiga jam bermula jam 9 pagi itu memberi peluang kepada warga Klang mengemukakan pelbagai permasalahan dan cadangan berkenaan isu perbandaran.

Katanya, menerusi program itu orang ramai berpeluang memberi maklum balas, aduan dan respon kepada mana-mana jabatan berkenaan selain mengetahui perkembangan terkini perancangan Majlis bagi tahun 2016.

"Program ini akan diteruskan pada Jumaat (minggu terakhir) setiap bulan dan Majlis komited dalam menangani isu dan permasalahan yang dikemukakan penduduk.

"Malah komitmen ditunjukkan Yang Dipertua MPK,Datuk Mohamad Yasid Bidin dan Setiausaha, Adi Faizal Ahmad Tarmizi yang turut serta dalam program ini mendapat respon positif daripada komuniti di sini," katanya.

Norfiza berkata, Hari Bertemu Pelanggan inisiatif MPK untuk mendekati dan berinteraksi dengan pelanggan serta menyalurkan maklumat tepat berkenaan isu perbandaran dan aktiviti Majlis yang boleh dikongsi bersama warga Klang.

## MBPJ kemuka cadangan sistem PRT ganti KIDEX

**PETALING JAYA** - Sistem *Personal Rapid Transit (PRT)* yang terkandung dalam pelan induk pengangkutan awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bakal dikemukakan kepada Kerajaan Negeri menjelang Februari ini.

Exco Pelaburan, Perindustrian (IKS) & Perdagangan dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata ia adalah cadangan bagi menggantikan projek pembinaan Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) yang ditolak Kerajaan Negeri sebelum ini.

"Dalam laporan pelan induk ini terdapat cadangan menggunakan laluan asal bagi pembinaan lebuh raya KIDEX.

"Maka, sistem dicadangkan ini dikenali PRT iaitu penggunaan pengangkutan awam seperti bas atau pengangkutan lain yang difikirkan kelak," katanya dalam sidang media ketika dialog pelan induk pengangkutan awam di MBPJ di sini, pada 28 Januari lalu.

Beliau berkata, berikutan penolakan terhadap projek pembinaan lebuh raya terbabit, maka insiatif lain perlu diambil bagi menggantikannya.

Katanya, cadangan projek itu bakal dikemukakan kepada Kerajaan Negeri bagi mendapatkan sokongan dan kelulusannya.

"Memang kita juga perlu mengemukakan cadangan ini kepada Kerajaan Persekutuan, maka kita berharap Ahli Parlimen kita menyokongnya dalam sesi perbahasan di Parlimen.



**Dalam laporan pelan induk ini terdapat cadangan menggunakan laluan asal bagi pembinaan lebuh raya KIDEX**

**TENG CHANG KHIM**
Exco Pengangkutan

"Dalam tempoh proses ini juga kita menjalankan sesi penerangan kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan lain-lain," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri juga melantik perunding bebas bagi tujuan itu supaya tidak timbul isu berbangkit berkenaan politik.

## Aplikasi sistem punca air pertama dunia

# Kubah baru Masjid Negeri Shah Alam siap 5 Disember

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM -** Kerja penggantian kubah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah atau Masjid Negeri di Shah Alam dijangka siap pada 5 Disember tahun ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, Mas Abdul Rahman Mas Mohamed, berkata kubah baru itu menggunakan sistem punca air yang juga sistem pertama di dunia.

Katanya, terdapat 77 bilangan punca air pada permukaan kubah untuk kegunaan penyelenggaraan dengan kos RM32.4 juta.

"Kerja menaik taraf simbol keagungan masyarakat Islam di negeri itu akan bermula Mei ini dan bermula dengan mencuci 'Buttress' sedia ada, kallas, menurunkan panel kubah, panel bahu dan panel kubah khat sedia ada.

"Kubah baru itu juga ditambah baik dengan menyediakan punca air memudahkan kubah dicuci dan mempunyai tangga untuk naik ke kubah," katanya ketika merasmikan pemasangan panel kubah baru di Masjid Negeri, di sini.

Beliau berkata, pihak JKR memilih bahan vitrous enamel yang lebih kemas, ringan dan selamat serta lasak daripada bahan asal untuk kubah terbabit.

Abdul Rahman berkata, kubah berkeluasan 5,184.72 meter persegi itu ditempah khas dari Jerman.

Kubah masjid sebelum ini sebahagiannya menunjukkan kecacatan seperti karat yang mungkin disebabkan oleh penggunaan cecair kimia semasa penyelenggaraan.

Kubah baru mempunyai 180 jenis panel berbeza membabitkan 13,504 bilangan panel berdiameter 52 meter dengan ketinggian 50 meter.



Manakala bahu kubah 3,233.88 meter persegi dengan 4,636 bilangan panel, 19 lapisan panel dan 1,142 jenis panel yang berbeza.

Selain itu, kallas berketinggian 7 meter dan kaligrafi khat mempunyai luas permukaan 1,213.44 meter persegi dengan 640 bilangan panel kaligrafi, tiga jenis panel berbeza dan lima lapisan panel dengan jumlah setinggi 7.5 meter serta Surah At Taubah ayat 18-19.

PEGANGAN KEKAL
DARI RM170,000

Rumah selangorku
@ BANDAR PARKLANDS KLANG



GAYA HIDUP BARU DI PUSAT PERBANDARAN YANG BERKEMBANG MAJU
03 3324 3255

Asteria dan Azaria menawarkan 2 blok pangsapuri eksklusif yang terletak secara strategik di pusat Bandar Parklands. Rangkaian lebuhraya dan jalan keliling menawarkan laluan mudah dan pantas ke seluruh Lembah Klang dan Kuala Lumpur dari Bandar Parklands.

Kelayakan untuk memohon kediaman Rumah Selangorku:
- Pendapatan bulanan isi rumah untuk Rumah Selangorku Jenis C di dalam lingkungan RM3,000 hingga RM8,000.
- Pemohon tidak memiliki sebarang Hartanah Kediaman di Selangor.

Bagi permohonan pembelian, sila dapatkan borang permohonan daripada Gabungan Efektif Sdn Bhd di No.63, Lorong Batu Nilam 1A, Bandar Bukit Tinggi 41200 Klang. Sila kembalikan borang permohonan tersebut berserta dokumen-dokumen berkaitan kepada Pemaju.

Satu Pembangunan Berprestij Oleh:
WCT BUILDING VALUES

Dimajukan Oleh:
**Gabungan Efektif Sdn. Bhd.** (590259-A)
(Anak Syarikat Kumpulan WCT)
No 63, Lorong Batu Nilam 1A, Bandar Bukit Tinggi,
41200 Klang, Selangor D.E, Malaysia.
Tel: +(603) 3324 3255 Faks: +(603) 3324 3257 Emel: enquiries.wctland@wct.my
www.wct.com.my/property

Bandar Parklands Bukit Tinggi Klang
ASTERIA apartments
AZARIA apartments
LPHS Rumah selangorku atau Daftar Dalam Talian @ lphs.selangor.gov.my

Taman Tema Air

# Nickelodeon Lost Lagoon dibuka 3 Feb

OLEH **AFIX REDZUAN**



**BANDAR SUNWAY** - Nickelodeon Lost Lagoon, taman tema air terbaru di Sunway Lagoon yang menjanjikan kemeriahan buat pengunjung terutama penggemar kartun tidak mengira umur.

Menyediakan 14 tarikan permainan air, Nickelodeon Lost Lagoon diilhamkan daripada watak kartun popular seperti SpongeBob SquarePants, Dora The Explorer dan Teenage Mutant Ninja Turtles.

Ikon baru itu dibina dengan nilai pelaburan RM100 juta mengukuhkan nama Sunway Lagoon yang diiktiraf sebagai lokasi tarikan terbaik asia buat kali keempat berturut-turut sejak 2007 oleh Persatuan Taman Hiburan Dan Tarikan Antarabangsa (IAAPA).

Pelancaran Nickelodeon Lost Lagoon disempurnakan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dengan paluan gong sebanyak tiga kali dan disambut percikan bunga api.

Hadir sama, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong, Naib Presiden Eksekutif dan Pengarah Urusan Viacom International Media Networks (VIMN), Mark Whitehead dan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh.

Timbalan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Razman Hashim gembira dengan jalinan kerjasama VIMN yang sudi membawa tarikan taman tema ke Malaysia.

Nickelodeon Lost Lagoon dibuka secara rasmi kepada umum pada 3 Februari bermula jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari.

Bayaran masuk dikenakan sebanyak RM150 untuk umur 12 tahun dan ke atas sementara RM120 untuk 12 tahun ke bawah.

## Sejarah dan keindahan Kuala Kubu Bharu jadi tarikan

**SHAH ALAM** - Keunikan Kuala Kubu Bharu sebagai bandar bersejarah dan memiliki keindahan semula jadi menjadikan ia sebagai kawasan tumpuan pelancong domestik dan luar Selangor.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berkata pembangunan bandar terbabit dengan pengekalan keadaan asal memberikan kelebihan dan kelainan menjadikan ia sebagai pilihan kepada pengunjung berbanding bandar atau tempat lain di negara ini.

"Kuala Kubu Bharu menjadi tumpuan kerana mempunyai banyak tempat menarik seperti Bukit Fraser, Bukit Kutu, Air Terjun Sungai Chiling dan Air Terjun Lata Medang.

"Air terjun Sungai Chiling sendiri diakui sebagai kawasan perkelahan air terjun tercantik di Selangor," katanya kepada SelangorKini baru-baru ini.

Beliau berkata, selain itu ia juga kekal dipenuhi bangunan lama dan bersejarah hasil peninggalan zaman British seperti pejabat pos, balai polis, menara jam dan sebagainya.

"Kuala Kubu Bharu juga adalah bandar pertama dirancang pihak perancang bandar di Malaysia pada 1930.

"Orang ramai juga boleh melawat Galeri Sejarah Kuala Kubu Bharu untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan sejarah bandar ini," katanya.

Bagi menarik perhatian umum, Kee Hiong menggerakkan pelbagai program seperti kebudayaan dan kesenian yang dijalankan dua bulan sekali dengan terbaharu, Program Seni dan Masyarakat 2 bersama Prof Dr Sti Zainon Ismail pada 25 dan 26 Disember tahun lalu.

Berdasarkan sejarah, pembinaan bandar itu dirancang arkitek New Zealand, Charles Compton Reade dengan menjadikan ia sebagai bandar dalam taman dengan idea reka bentuk menarik.

Ia berikutan tragedi banjir besar yang menenggelamkan bandar asal, Kuala Kubu.






WCT
BUILDING VALUES
Atlanta Villa Sdn Bhd
No. 63, Lorong Batu Nilam 1A, Bandar Bukit Tinggi
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +(603) 3324 3256 Fax: +(603) 3324 3257 Email: enquiries.wctland@wct.my
www.wct.com.my/property
d'LAMAN GREENVILLE

## Indeks kesaksamaan gender:

# Malaysia jatuh ke tangga 111 dunia

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**SHAH ALAM** - Berdasarkan The Global Gender Gap Index 2015 dikeluarkan World Economic Forum, Malaysia jatuh pada kedudukan ke-111 berbanding kedudukan 107 pada 2014 daripada 145 buah negara dengan skor kesaksamaan gender sebanyak 0.65.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata skor bagi kesaksamaan gender itu lebih buruk berbanding indikator capaian pendidikan yang memperolehi skor 0.967 mata dan kesihatan 0.969 mata.

"Realiti ini mendukacitakan apabila indikator peluang dan penglibatan ekonomi kaum wanita memperoleh skor 0.63 dengan nisbah wanita kepada lelaki pada 0.59.

"Manakala skor pemberdayaan politik wanita yang amat rendah iaitu 0.05 atau nisbah wanita kepada lelaki hanya pada 0.12," katanya.




Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmiannya pada Majlis Pelancaran Kempen #HeForShe Peringkat Negeri Selangor di Hotel De Palma Shah Alam di sini, pada 2 Februari lalu.

Katanya, Selangor berusaha meningkatkan pembangunan wanita dalam pelbagai aspek termasuk jati diri, ekonomi, sosial dan politik dengan pelbagai usaha termasuk dengan mewujudkan Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Katanya, Analisa Bank Dunia turut mendapati ekonomi di kebanyakan negara Asia Pasifik juga meningkat sehingga 18 peratus jika ekonomi kaum wanita di negara terbabit setanding dengan lelaki.

Ketika menyentuh dasar pembangunan wanita di Selangor, Dr Daroyah berkata, Kerajaan Negeri menerapkan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam pentadbirannya.

"Walaupun barisan Exco Kerajaan Negeri masih belum mencapai 30 peratus, namun Selangor adalah negeri pertama melantik seorang wanita sebagai Speaker Dewan Negeri dan Kerajaan Negeri komited untuk memastikan dasar ini tercapai pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, Selangor juga mempunyai 15 Adun wanita iaitu 26.8 peratus wanita berbanding Adun lelaki.

Manakala sebanyak 62 orang Ahli Majlis adalah wanita dalam kalangan 279 orang Ahli Majlis di Selangor atau 22 peratus.

#HeForShe adalah kempen sokongan terhadap kesaksamaan gender dianjurkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan berjaya mengumpul 1.3 juta 'sign up' melalui atas talian.

Dr Daroyah berkata, bagaimanapun setakat ini hanya 1,943 di negara ini menunjukkan solidariti mereka dan beliau menggesa supaya lebih ramai menjayakan sokongan terhadap usaha itu.

SUMBANGAN BAGI TUJUAN
1. Pengajian Al-Quran secara percuma
2. Menyiapkan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH
RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun:8602413238 (CIMB)
RUMAH ngaji




Satu Pembangunan Berprestij Oleh:
WCT
BUILDING VALUES
Dimajukan Oleh:
Gemilang Waras Sdn. Bhd. (496922-H)
(Anak Syarikat Kumpulan WCT)
No. 63, Lorong Batu Nilam 1A, Lot 44, Bandar Bukit Tinggi
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +(603) 3324 3255 Faks: +(603) 3324 3257 Emel: enquiries.wctland@wct.my
www.wct.com.my/property
Lesen Pemaju : 8128-25/12-2016/01227(L). Tempoh Sah: 03/12/2014 - 02/12/2016. No. Permit Iklan & Jualan : 8128-25/12-2016/01227(P). Tempoh Sah: 03/12/2014 - 02/12/2016. Pihak berkuasa meluluskan: Majlis Perbandaran Klang. No. Kelulusan Pelan Bangunan : () MPK/BGN-600-4/1/111(2014). Bebanan Tanah: Tiada bebanan. Pegangan Tanah: Pegangan Bebas. Jumlah Unit: Blok A: 158 unit. Blok B: 245 unit. Tarikh Dijangka Siap: Disember 2017. Harga Jualan: Blok A: RM676,000.00 (Min) – RM938,000.00 (Maks). Blok B: RM505,000.00 (Min) – RM953,000.00 (Maks). Tempat letak Kereta (TLK): Jenis A: 3 TLK, Jenis B: 2 atau 3 TLK, Jenis C: 2 TLK. Diskaun Bumiputera: 7%. Sekatan Kepentingan: Tiada. Jenis Hartanah: Apartmen Servis.

Hargai jasa atlet

# Selangor salur insentif RM156,000




OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM156,000 diperuntukkan kepada 67 atlet Selangor yang berjaya menempa kecemerlangan dalam Sukan Sea di Singapura tahun lalu.

Daripada jumlah keseluruhan, atlet Gimnastik, Farah Ann Abdul Hadi menjadi penerima insentif tertinggi dengan memperoleh RM14,500.

Ia susulan kejayaan beliau membawa pulang dua pingat Emas, satu Perak dan tiga Gangsa dalam acara berkenaan.

Selain itu, turut menerima insentif adalah Shalin Zulkifli; Farhan Adam; Nur Eli Elina Azmi; Teh Min Jee dan Muhammad Adden Ikranie Bakhtiar.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari, berkata sumbangan itu bagi menyuntik semangat atlet untuk terus berjuang mengharumkan nama negara.

"Sejak dulu lagi, Selangor pembekal atlet negara untuk Sukan SEA, Komanwel mahupun Olimpik.

"Oleh itu, dengan adanya sumbangan ini sejak tahun 2009, ia dapat menyuntik semangat juang dalam kalangan atlet," katanya di majlis penyerahan insentif itu, di Hotel De Palma, di sini, pada 30 Januari lalu.

Sementara itu, Farah Ann berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudi memberi insentif atas kejayaan beliau dan atlet lain.

"Walaupun ada di antara mereka yang tidak membawa balik pingat, namun mereka juga diberikan insentif.

"Saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa menyokong dan prihatin terhadap atlet negeri itu," katanya yang kini sibuk dengan persiapan untuk ke pertandingan di Doha tahun ini.

# Selangor angkat slogan 'Tekad Juara' tuai pingat

**SHAH ALAM** - 'Smart Selangor' 2016 dengan slogan 'Tekad Juara' dipilih sebagai logo Sukan Malaysia (SUKMA) bagi kontinjen Selangor tahun ini.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata logo dan slogan terbabit dipilih bersempena dengan inisiatif Kerajaan Negeri yang mahu menjadikan Selangor sebagai 'Smart State'.

Slogan pula, katanya membawa maksud kejayaan yang sentiasa diburu.

"Kontinjen Selangor sebelum ini sangat cemerlang lebih lagi antara tahun 1998 hingga 2006.

"Namun selepas itu terumbang ambing. Di Perlis pada 2014, Selangor jatuh ke tangga ke empat yang menjadikan sejarah terburuk sehingga mendapat teguran daripada DYMM Sultan Selangor," katanya pada majlis pelancaran logo SUKMA, di Hotel De Palma, di sini, pada 30 Januari lalu.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor, Zubir Idrus.

Amirudin berkata, atlet di negeri itu bertuah kerana mempunyai Sultan yang prihatin terhadap atlet Selangor.

"Sultan Selangor berkenan mencemar duli berjumpa atlet pada majlis makan tengah hari sebelum atlet berangkat ke Sarawak.

"Ia adalah tanda sokongan Tuanku kepada atlet negeri ini," katanya.

Sebelum ini, Sultan Selangor mahu Kerajaan Negeri menukar logo dan slogan 'Kita Lawan' bagi SUKMA tahun ini kerana dikatakan mempunyai unsur politik.

# MPSJ ambil alih kemudahan Kompleks 3K

**SUBANG JAYA** - Pengambilalihan pengurusan Kompleks 3K oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) diharap dapat mempertingkatkan kemudahan sukan bagi kegunaan komuniti setempat.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata kemudahan di kompleks itu kini sedang dibaiki dan bakal dibuka untuk tempahan.

Katanya, beliau gembira dengan pengambilalihan pengurusan Kompleks 3K itu bagi memastikan bilik air mempunyai kemudahan kawasan membasuh tangan.

"Kemudahan untuk membasuh tangan adalah prioriti terutama bagi kanak-kanak yang menggunakan kolam renang.

"Pegawai berkenaan sudah menyatakan kemudahan membasuh tangan diselenggara dan dicatat dalam perjanjian dengan petugas pembersihan," katanya dalam sidang media, di sini.



Katanya, tempahan bagi menggunakan kemudahan di Kompleks 3K itu dengan MPSJ boleh dilakukan bermula 1 Mac ini.

"Kami menggalakkan pihak sekolah dan komuniti dapat menggunakan dengan baik kemudahan disediakan ini," katanya.

## WAKTU SOLAT SELANGOR
5 - 12 FEBRUARI 2016
26 RABIULAKHIR - 3 JAMADILAWAL 1437H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 05 Jumaat | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:51 | 7:28 | 8:40 |
| 06 Sabtu | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:51 | 7:28 | 8:40 |
| 07 Ahad | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:51 | 7:28 | 8:40 |
| 08 Isnin | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:51 | 7:29 | 8:40 |
| 09 Selasa | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 10 Rabu | 6.00 | 6:10 | 7.27 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 11 Khamis | 6.00 | 6:10 | 7.26 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 12 Jumaat | 6.00 | 6:10 | 7.26 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 05 Jumaat | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:53 | 7:30 | 8:41 |
| 06 Sabtu | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:53 | 7:30 | 8:42 |
| 07 Ahad | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:53 | 7:30 | 8:42 |
| 08 Isnin | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:53 | 7:30 | 8:42 |
| 09 Selasa | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 10 Rabu | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 11 Khamis | 6.02 | 6:12 | 7:31 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 12 Jumaat | 6.02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |

# Selangor hantar 433 atlet, sasar 50 emas

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Seramai 433 atlet Selangor terpilih ke Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung pada Julai depan di Sarawak.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amiruddin Shari, berkata pihaknya kini berada di fasa terakhir persiapan.

"Kita sudah mengenalpasti atlet yang layak dan kini dalam proses pendaftaran kontinjen.

"Ada yang cedera di saat akhir dan juga digugurkan. Kita akan hantar 433 atlet dan 88 pegawai ke sukan itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan logo SUKMA dan penyerahan insentif atlet Sukan SEA 2015 pada 30 Januari lalu.

Amiruddin berkata, pihaknya juga sedang sibuk melaksanakan kem kontinjen secara berfasa.

"Kalau dulu kita buat kem kontinjen mengikut kumpulan tetapi kali ini kita pecahkan mengikut keutamaan.

**Kalau dulu kita buat kem kontinjen mengikut kumpulan tetapi kali ini kita pecahkan mengikut keutamaan. Ia disebabkan kita mahu fokus secara terus kepada atlet. Bapa angkat kontinjen akan memantau persiapan terakhir ini**

"Ia disebabkan kita mahu fokus secara terus kepada atlet. Bapa angkat kontinjen akan memantau persiapan terakhir ini," katanya.

Beliau menyasarkan kontinjen Selangor memperoleh lebih 50 pingat emas seterusnya menjuarai sukan terbabit.

"Namun, realiti ketika ini, kita menyedari persaingan sengit seperti Sarawak dan Terengganu.

"Bagaimanapun kita akan cuba memperbaiki dan melakukan yang terbaik dalam kalangan kita dan memperbaiki kelemahan yang lepas," katanya.




**Atlet Selangor mempamerkan slogan 'Tekad Juara' sebagai logo SUKMA kontinjen negeri**

## Zainal : Usaha mantap ketajaman depan gol

**SHAH ALAM** - Beberapa perkara baharu perlu dipelajari pemain Selangor selepas tewas 1-0 kepada Pulau Pinang pada perlawanan pramusim ketiga 2016 di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, 29 Januari lalu.

Perkara itu diakui Jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan selain berkata, walapun beberapa peluang terbaik pada separuh masa pertama menerusi Abdul Hadi Yahaya, Andik Vermansah dan Azrif Nasrulhaq Badrul Hisham, namun Selangor kelihatan sedikit tumpul pada babak kedua.

"Kita gagal menjaringkan gol seperti yang berjaya dilakukan pada dua perlawanan sebelum ini bertemu Sarawak (2-0) dan Kuala Lumpur (2-1).

"Bagaimanapun, saya lihat pemain sudah mencuba tetapi memang nampak lebih banyak lagi perlu diperbaiki di bahagian depan terutama dalam aspek ketajaman di depan pintu gol lawan," katanya dipetik laman rasmi Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS)

Gol kemenangan Pulau Pinang dijaringkan bekas penyerang Harimau Muda C, Jafri Firdaus Chew yang menanduk masuk bola sepakan sudut pada minit ke-83 untuk menewaskan penjaga gol gantian Selangor, Zarif Irfan Hashimuddin.

"Pemain kami tidak menunjukkan permainan sebenar pada perlawanan ini. Ia juga kali pertama kami menyusun sesuatu untuk perlawanan di tempat lawan sambil belajar beberapa perkara baharu.

"Ini yang perlu dimantapkan lagi terutama untuk menghadapi perlawanan di tempat lawan apabila saingan Liga Super bermula nanti," jelasnya.

Skuad Selangor terus terbang ke Bangkok, Thailand dari Pulau Pinang untuk menghadapi dua perlawanan pramusim di sana bertemu Nakhon Pathom United FC pada Ahad dan Samut Songkhram BTU FC pada Isnin lalu.

"Memandangkan dua perlawanan ini berlangsung selang sehari, saya akan menyediakan dua set pemain dengan mereka yang beraksi 65 minit perlawanan pertama akan beraksi 25 minit pada perlawanan kedua. Begitu juga sebaliknya.

"Mereka harus bermain dan merasai tahap permainan antarabangsa kerana kami akan beraksi pada Piala AFC musim ini dan saya harap sekembalinya dari Bangkok, pemain sudah mencapai tahap kecergasan terbaik memulakan saingan sebenar musim 2016 ini," ujarnya.

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd Lot 6, Jln Tukang 16/4, Sek. 16, 40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5519 6373 Fax : 03-5512 7985